


**Jilid I
Bil. 9**



**Hari Khamis
19hb Oktober, 1978**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 721]

USUL-USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 750]**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-
Pertuan Agong [Ruangan 751]**

1. The first part of the document discusses the importance of maintaining accurate records of all transactions and activities. It emphasizes the need for transparency and accountability in financial reporting.

2. The second part of the document outlines the various methods and techniques used to collect and analyze data. It includes a detailed description of the experimental procedures and the tools used for data collection.

3. The third part of the document presents the results of the study, including a comparison of the different methods and techniques used. It discusses the strengths and weaknesses of each method and provides a summary of the findings.

4. The fourth part of the document discusses the implications of the study and provides recommendations for future research. It highlights the need for further investigation into the effectiveness of the different methods and techniques used.

5. The fifth part of the document provides a conclusion and a summary of the key findings. It reiterates the importance of maintaining accurate records and the need for transparency and accountability in financial reporting.

6. The sixth part of the document provides a list of references and a bibliography. It includes a list of all the sources used in the study and provides a detailed description of each source.

7. The seventh part of the document provides a list of appendices and a bibliography. It includes a list of all the appendices used in the study and provides a detailed description of each appendix.

8. The eighth part of the document provides a list of figures and a bibliography. It includes a list of all the figures used in the study and provides a detailed description of each figure.

9. The ninth part of the document provides a list of tables and a bibliography. It includes a list of all the tables used in the study and provides a detailed description of each table.

10. The tenth part of the document provides a list of references and a bibliography. It includes a list of all the sources used in the study and provides a detailed description of each source.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- „ Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- „ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- „ Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- „ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- „ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- Yang Berhormat TUAN CHAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Grik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR. TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR. TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 19hb Oktober, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KILANG PENAPIS MINYAK

1. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab-sebab maka ketiga-tiga buah kilang penapis minyak di Malaysia hanya kira-kira 20% sahaja menapis minyak mentah dari pengeluaran tempatan sedangkan kita terpaksa mengimpot minyak mentah dari Asia Barat untuk ditapis dan digunakan di dalam negeri ini. Adakah Kerajaan bercadang untuk membina lagi kilang penapis di Malaysia; jika ya, di mana dan berapakah perbelanjaan yang dianggarkan bagi pembinaannya itu.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ketiga-tiga kilang penapis minyak di Malaysia memproses 110,900 tong minyak mentah sehari. Dari jumlah ini 30,300 tong atau 27% adalah minyak mentah keluaran tempatan. Jumlah pengeluaran minyak mentah tempatan pula adalah secara purata 200,000 tong sehari. Ini bermakna 15% dari minyak mentah keluaran tempatan adalah diproses di dalam negeri.

Ada dua sebab kenapa kilang-kilang penapis minyak di Malaysia memproses hanya 15% daripada jumlah minyak mentah keluaran tempatan, atau kenapa dari jumlah minyak mentah yang diproses di Malaysia hanya 27% sahaja minyak mentah keluaran tempatan.

Yang pertama adalah atas pertimbangan ekonomik. Oleh kerana minyak mentah keluaran tempatan bermutu tinggi, maka adalah lebih menguntungkan bagi Malaysia mengeksport sebahagian besar minyak mentah pengeluarannya, dengan mendapat harga yang lebih tinggi, dan mengimpot pula minyak mentah yang lebih murah harganya dari negara-negara Timur Tengah, untuk ditapis bagi kegunaan tempatan.

Yang kedua adalah kerana menimbangkan jenis minyak yang diperlukan untuk kegunaan tempatan. Pecahan keperluan minyak untuk kegunaan tempatan adalah seperti berikut:

| | |
|--|------------|
| (a) minyak untuk kegunaan jentera-jentera berat dan perindustrian | 38% |
| (b) minyak diesel | 33% |
| (c) minyak naphtha gasoline termasuk petrol | 17% |
| (d) minyak tanah | 10% |
| (e) gas | 2% |
| | <hr/> 100% |

Sekiranya kilang-kilang penapis minyak di Malaysia sekarang, memproses hanya minyak mentah keluaran tempatan, maka penapisan itu akan menghasilkan jenis-jenis minyak mengikut pecahan berikut:

| | |
|--|------------|
| (a) minyak untuk kegunaan jentera-jentera berat dan perindustrian | 18% |
| (b) minyak diesel | 16% |
| (c) minyak naphtha gasoline termasuk petrol | 45% |
| (d) minyak tanah | 19% |
| (e) gas | 2% |
| | <hr/> 100% |

Dalam lain-lain perkataan, jika kilang-kilang penapis minyak tempatan, memproses hanya minyak mentah keluaran tempatan, penapisan itu akan menghasilkan jumlah minyak yang berkurangan daripada yang diperlukan dalam negeri bagi jenis minyak yang tertentu seperti minyak perindustrian dan minyak diesel, sedangkan bagi jenis minyak yang lain ula seperti naphtha gasoline dan minyak tanah akan mengeluarkan jumlah yang lebih daripada keperluan dalam negeri.

Memandangkan sebab-sebab di atas, maka kita perlu mengimpot minyak mentah untuk diproses oleh kilang-kilang penapis tempatan bagi memenuhi keperluan tempatan. Di sebaliknya pula, kita mengeksport sebahagian besar minyak mentah keluaran tempatan untuk mendapatkan keuntungan yang lebih.

Mengenai pembinaan kilang penapis minyak yang baru, ia adalah di dalam pertimbangan. Petronas akan membuat satu kajian kemungkinan (feasibility study) yang akan juga mengkaji perkara pembinaan kilang penapis minyak ini. Kajian kemungkinan ini dijangka akan selesai pada pertengahan tahun 1979. Samada kilang penapis minyak yang baru akan dibina, adalah bergantung kepada hasil daripada kajian kemungkinan itu nanti.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Bolehkah diberitahu negara-negara mana dari Asia Barat yang mengimpot minyak mentah yang ditapis di kilang tempatan.

Perdana Menteri: Semuanya daripada negeri-negeri Arab.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Kita tahu oleh kerana kita banyak memakai minyak yang tidak begitu baik, minyak yang diimpot daripada luar oleh kerana itu asap banyak, kilang asap banyak, kereta asap banyak, lori asap banyak, dia jadi pollution. Apakah sebab kita tidak mahu pakai minyak kita yang baik, mungkin masalah pollution ini dapat kita hapuskan ataupun ringankan masalah itu.

Perdana Menteri: Ini bukan masalah keluar asap banyak, keluar asap sedikit Tuan Yang di-Pertua. Minyak yang kita dapat di negara kita ialah bermutu tinggi dan kilang-kilang penapis yang ada sekarang ini boleh

menapis minyak-minyak keluaran negeri-negeri Arab iaitu minyak yang kurang bermutu tinggi. Selain daripada kita mendapat keuntungan lebih, apabila kita menjual minyak kita yang bermutu tinggi, penapis minyak kita di sini tidak dapat menapis kesemuanya minyak kita itu sebab mutunya lain dan kilang-kilang yang ada di sini menapis minyak-minyak yang datang daripada negara-negara seperti Arab Saudi, Kuwait dan sebagainya.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini adakah ketiga-tiga kilang penapis minyak ini adalah milik Malaysia atau milik syarikat asing. Kalau syarikat-syarikat penapis minyak ini adalah kepunyaan orang asing adakah Kerajaan akan sendirinya menubuhkan kilang-kilang penapis minyak sendiri demi kepentingan ekonomi Malaysia sendiri.

Perdana Menteri: Kilang penapis yang ketiga-tiga ini ialah kepunyaan syarikat asing. Bagaimana saya terangkan tadi kita sedang membuat kajian kemungkinan (feasibility study) samada wajar atau tidaknya kita membina pula kilang penapis tambahan dan jika ini didapati wajar tentu kita akan ada bahagian samada dengan joint venture atau sepenuhnya kepunyaan kita sendiri.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar minyak-minyak yang dikeluarkan di Malaysia dijual keluar negeri keuntungannya ada diberi kepada PETRONAS dan syarikat-syarikat minyak asing. Dan minyak-minyak yang kita impot kena bayar lebih dan pengguna-pengguna di Malaysia kena bayar lebih. Sebab itu diesel adalah menjadi mahal satu masalah dalam Malaysia dan syarikat-syarikat minyak tidak mahu jual lebih diesel oleh sebab Kerajaan tidak benarkan ia menaikkan harga.

Perdana Menteri: Bagaimana yang saya terangkan sebab-sebab yang kita jual minyak kita ke luar negeri sebahagian besarnya dan berkenaan dengan penapisan minyak, kekurangan selalunya bukan kekurangan minyak tetapi selalunya kebanyakan berbangkit masalah kelambatan distribution minyak-minyak itu ke tempat-tempat yang tertentu. Ini kerap kali berlaku, walau bagaimanapun kita mengawasi masalah ini. Dan berkenaan dengan

harga, memang Kerajaan sungguhpun bagaimana saya terangkan tadi ketiga-tiga buah kilang ini dipunyai oleh syarikat asing tetapi Kerajaan mengawasi berkenaan dengan harga production, harga minyak yang dijual kepada orang-orang tempatan. Itu memang kita mengawasi dengan ketatnya.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa di antara sebab-sebab mengapa minyak tempatan diekspotkan ke luar untuk di tapis ialah oleh kerana kita boleh dapat keuntungan yang lebih tinggi. Selain daripada masalah menguasai harga minyak-minyak, adakah pihak Kerajaan menimbang bahawa keuntungan yang didapati oleh Kerajaan atau PETRONAS melalui cara ini di mana minyak yang bukan ditapis dan tidak digunakan tempatan tetapi ditapis di luar negeri dan di jual di luar negeri bahawa dinikmati oleh orang ramai di mana mereka akan dapat membeli dengan harga-harga yang murah, seperti mengurangkan cukai-cukai ke atas minyak-minyak supaya rakyat dalam sebuah negara yang mengeluarkan minyak boleh dapat menikmati minyak dengan harga yang lebih kurang.

Perdana Menteri: Harga minyak di sini oleh kerana kita ada kawalan tidaklah tinggi bagaimana yang disangkakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sungguhpun harga minyak dari masa ke semasa harga minyak yang kita impot dari luar itu naik. Sungguhpun demikian sedikit sebanyak adalah dinaikkan tetapi dengan kawalan yang rapi yang kita buat, menjaga harga minyak ini maka dibandingkan kalau tiada kawalan seperti ini harga minyak ini lebih tinggi daripada yang ada sekarang ini.

PARTI ISLAM SE MALAYSIA (PAS)

2. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan di bawah kapasiti apa yang Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Parti Islam Se Malaysia adalah lebih merbahaya dari komunis dan sama ada tuduhan itu satu pandangan Kerajaan atau cuma satu issue dalam pilihanraya umum.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab tentang kapasiti apa yang saya membuat kenyataan

bahawa Parti Islam Se Malaysia adalah lebih merbahaya dari komunis, izinkan saya menjelaskan sedikit tentang tafsiran "merbahaya".

Manusia, tidak seperti makhluk Tuhan yang lain, mempunyai akal yang dapat menyelidik dan menilai sesuatu kemungkinan sebelum ianya terjadi. Mengenai bahaya, manusia bukan sahaja mengguna pengalamannya sendiri untuk menentukan kemungkinan bahaya berlaku tetapi dapat juga mengguna sejarah dan pengalaman orang lain.

Dalam masa-masa yang lampau ini kita dapat lihat bagaimana ramainya negara-negara yang terjatuh ke tangan orang-orang berfahaman komunis. Di antara negara-negara ini terdapat negara-negara yang penduduknya dahulu hampir seratus-peratus orang Islam.

Kita dapati kejatuhan negara Islam ke tangan penganut komunis, anarkis dan diktator bernula dengan penyelewengan tafsiran agama dan perbuatan memfitnah oleh orang Islam sendiri. Kerana ingin merebut kuasa kumpulan-kumpulan orang Islam ini sanggup memeralatkan kepercayaan orang Islam kepada agama mereka dengan menyalah tafsir agama dan mencaci-cerca pemimpin-pemimpin yang ada. Akibat dari fitnah ini orang Islam terkeliru dan tidak tentu arah dan berpecah-pecah di antara mereka. Dalam keadaan ini mereka sanggup menerima fahaman yang bertentangan dengan agama mereka dan akhirnya terjadilah peristiwa negara Islam menolak Islam dan memeluk fahaman komunis.

Penolakan agama Islam oleh orang Islam tidak mungkin berlaku kalau usaha ke arah ini dijalankan oleh orang-orang yang anti-Islam seperti komunis. Di Malaysia umpamanya jika orang komunis menyeru supaya orang Islam menolak agama Islam, tidak akan ada orang Islam yang akan sanggup menyambut seruan ini. Tetapi jika orang Islam sudah dikelirukan dengan tafsiran agama yang berbeza-beza dan fitnah yang ditaburkan ada kemungkinan orang Islam, iaitu orang Melayu, menerima akhirnya ideology komunis. Inilah bahaya yang saya maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, Allah subhanahu-wa-ta'la telah berfirman dalam ayat 191 surah Al-Baqarah yang maksudnya ialah demikian: ". dan fitnah itu lebih besar bahayanya dari pembunuhan"

Ayat ini telah disusuli dengan ayat 193 dalam surah yang sama yang menyuruh kita "perangilah mereka itu, sehingga tidak ada fitnah lagi dan agama itu hanya untuk Allah belaka."

Yang jelas dari ayat-ayat ini adalah fitnah itu lebih bahaya daripada pembunuhan dan orang Islam harus memerangi fitnah dan orang yang memfitnah. Sebabnya tentulah nyata. Komunis telah membunuh ramai juga orang kita tetapi ini tidak melemahkan semangat kita dan jauh sekali dari memisahkan kita dari agama Islam.

Tetapi fitnah yang dilempar oleh PAS dalam pilihanraya telah berjaya memecah-belahkan orang Islam, memesongkan anutan mereka kepada agama Islam yang sebenar, menjadikan mereka bermusuhan sesama sendiri dan menjadikan mereka kumpulan yang bertambah lemah. PAS cuba melemahkan semangat angkatan tentera kita yang berperang melawan komunis dengan memfitnah dalam manifesto PAS sendiri. PAS membuat tuduhan yang tidak berasas dalam risalah-risalahnya kepada individu dan parti dan Kerajaan tanpa menandatangani tuduhan ini. Dan selepas pilihanraya berbagai kegiatan yang bercanggah dengan Islam telah diurus dan diarah oleh PAS, sehinggalah masyarakat Islam menjadi kucar-kacir.

Semua perbuatan ini adalah bahaya. 30 tahun komunis menyerang Malaysia, kita tidak ditewas. Kita tidak ditewas kerana orang Melayu, orang Islam menjadi benteng yang kuat mempertahankan negara kita. Serangan komunis tidak begitu bahaya kerana akibatnya ialah mengukuhkan semangat kita dan merapatkan barisan kita untuk memelihara agama, bangsa dan tanahair.

Tetapi kerana fitnah PAS benteng ini sudah retak. Sebab itu PAS lebih bahaya daripada komunis—PAS mungkin berjaya menghancurkan benteng pertahanan Malaysia yang mana komunis tidak mungkin melakukan.

Saya ditanya di bawah kapasiti apa yang saya membuat tuduhan bahawa PAS adalah lebih berbahaya daripada komunis. Saya ingin jawab dengan terus terang dan ikhlas bahawa saya membuat tuduhan ini di bawah kapasiti saya sebagai seorang Islam yang patuh kepada Al-Quran dan tidak mahu Islam lumpuh dan luput di Malaysia ini

seperti telah terjadi di beberapa negara Islam yang lain. Tiap-tiap seorang-orang Islam mempunyai tugas mempertahankan agamanya. Tidak perlu baginya menjadi Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri atau Menteri atau Timbalan Menteri sebelum ia patuhi kepada ajaran Islam.

Apa yang saya katakan terhadap PAS adalah jelas terdapat dalam Al-Quran. PAS membuat fitnah sepanjang masa sementara penganas komunis membunuh. Al-Quran berkata bahawa "fitnah itu adalah lebih bahaya daripada membunuh." Dari ini bolehlah kita anggap bahawa PAS yang suka berbuat fitnah adalah lebih berbahaya daripada komunis yang membunuh.

Saya berharap di waktu Ahli Yang Berhormat membuat soalan, ianya tidak semata-mata membuat dalam kapasitinya sebagai Timbalan Yang di-Pertua PAS tetapi juga dalam kapasitinya sebagai orang Islam yang berpegang kepada ajaran Al-Quran. Jika soalan dibuat di bawah kapasiti sebagai orang Islam saya yakin penjelasan saya ini akan diterima bulat-bulat. Jika dibuat dalam kapasiti pemimpin parti politik maka tentulah sukar nak menerima pengakuan saya ini. *(Tepuk)*

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, PAS telah hidup lama di Malaysia ini, tidak kurang daripada 26 tahun. Tetapi kenapakah waktu ini Yang Amat Berhormat mengatakan PAS lebih bahaya daripada komunis? Mungkinkah kerana PAS sekarang ini telah sampai kepada satu kemuncak yang boleh mengalahkan UMNO pada masa yang akan datang ataupun apa sebab-sebabnya?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menahan khayalan Ahli Yang Berhormat tentang kekuatan PAS tetapi apa yang telah dapat kita lihat kepimpinan PAS bukanlah selalunya sama nadanya; ada kalanya dia berpegang kuat kepada ajaran Islam terutama pada mula ianya tertubuh tetapi kadangkala kerana ingin merebut jawatan dan sebagainya corak serangannya terhadap parti Kerajaan berubah sedikit. Ada kalanya ianya pula menyertai Kerajaan dan pada ketika itu dia terima semua yang dibuat oleh kita *(Tepuk)* tetapi sekarang ini dengan kerana terkeluar

sedikit daripada Kerajaan adalah berubah sedikit dan perubahan inilah yang saya takut sangat.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyangka bahawa PAS dengan tujuan-tujuan untuk melaksanakan hukum-hukum Tuhan sebagai undang-undang negara ini lebih buruk daripada komunis yang menentang Tuhan?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, cita-cita PAS yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi memang baik dan sesuai dan tidak dianggap oleh saya sebagai bertentangan dengan ajaran Islam tetapi dalam usahanya untuk mendapat kerusi-kerusi dalam pilihanraya banyak perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin PAS dan pensusarahan-pensusarahan PAS yang bertentangan dengan ajaran Islam dan juga mengeliru serta memecah-belahkan orang-orang Islam. Ini yang menjadi bahaya yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat cukuplah berdialog ini.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Soalan tambahan. Dalam ayat yang disebutkan oleh Timbalan Perdana Menteri tadi "alfitnatul ashaduminalqaffi"—fitnah dalam hal ini termasuk fitnah-memfitnah. Jadi ada dua golongan, yang membuat fitnah.

Dalam kenyataannya pun saya takut apa yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri juga tadi adalah satu fitnah. Memang di kalangan keadaan seperti ini terutamanya di kalangan masyarakat bawahan—timbul fitnah-memfitnah itu. Tetapi tidak adil sekiranya Timbalan Perdana Menteri menganggap bahawa parti PAS sebagai satu fitnah. Tetapi sekarang kita takut kepada pimpinan yang membuat fitnah. Nampaknya keterangan dari Timbalan Perdana Menteri tadi menggambarkan bahawa penyakit itu sudah hinggap kepada pimpinan UMNO.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Terima kasihlah kerana membuat pengakuan bahawa PAS sudah membuat fitnah dan sekarang ini Kerajaan pula cuba memfitnah. Tetapi ucapan saya tadi tidak merupakan fitnah, walaupun pada PAS mungkin merupakan satu fitnah. Dalam perkara ini, saya fikir

Tuhan dan rakyat sahajalah yang dapat menentukan sama ada apa yang saya per-katakan itu fitnah atau tidak.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersetuju dengan saya bahawa fitnah ini UMNO pun buat juga.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, fitnah dibuat oleh semua orang bukan UMNO, bukan PAS. Tetapi fitnah jenis yang dibuat oleh PAS di dalam pilihanraya ini berjaya memecah-belahkan orang-orang Islam di negara kita ini dan ini yang membawa kepada bahaya. Saya tidak boleh memberi pengakuan bahawa tidak ada orang UMNO yang membuat fitnah. Tetapi yang kita tahu ialah yang dibuat oleh PAS ini begitu berkesan sekali sehingga terkeliru orang-orang Islam dengan tafsiran-tafsiran yang tidak tentu arah di dalam bidang agama.

DASAR EKONOMI BARU

3. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan sejak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, apakah kemajuan-kemajuan telah dicapai untuk mempertingkatkan taraf ekonomi kaum Bumiputra khususnya dan rakyat Malaysia amnya, sila berikan angka-angka yang menunjukkan bahawa kadar kemiskinan kaum Bumiputra telah diturunkan di Malaysia amnya dan tiap-tiap negeri khususnya sejak DEB dilaksanakan hingga tahun 1978 ini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan pada masa ini sedang menjalankan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang mana akan dibentangkan di Parlimen ini. Oleh itu butir-butir yang lebih terperinci berkenaan dengan kemajuan yang telah dicapai di dalam menentukan taraf hidup rakyat Malaysia pada keseluruhannya akan didapati tidak beberapa lama lagi.

Berhubung dengan taraf ekonomi Bumiputra khususnya, ada beberapa perkara yang menunjukkan bahawa terdapat beberapa kemajuan yang dicapai di dalam bidang ini, misalnya pemilikan saham Bumiputra di dalam syarikat-syarikat berhad daripada

\$76.896 juta pada tahun 1970 kepada \$298.292 juta pada tahun 1974. Sementara itu pihak Bumiputra perseorangan dan ajensi-ajensi amanah memiliki kira-kira 8.01% daripada jumlah saham dalam tahun 1974, iaitu \$870 juta daripada jumlah \$11,231 juta jumlah saham keseluruhannya dalam syarikat-syarikat berhad di seluruh Semenanjung Malaysia. Angka ini adalah sangat hampir kepada matlamat sebanyak 9% bagi tahun 1975 sebagaimana yang dirancang di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Di antara kemajuan-kemajuan lain yang telah dicapai dalam mempertingkatkan taraf ekonomi Bumiputra ialah pertambahan pekerjaan-pekerjaan di dalam industri-industri perkilangan dan perniagaan. Di dalam bidang perniagaan pula, pihak Bumiputra telah memiliki sejumlah 33,469 lesen perniagaan yang merupakan 30.9% daripada jumlah lesen tersebut.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pembasmian kemiskinan sebagaimana yang dijelaskan dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru, melibatkan keseluruhan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Oleh itu program-program membasmi kemiskinan serta prestasinya adalah dianalisa mengikut kumpulan atau golongan miskin seperti nelayan, penanam padi, pekebun kecil getah, penduduk kampung-kampung baru dan buruh pertanian. Dalam hubungan ini, maklumat yang ada tidak mencukupi untuk menganalisis kemiskinan mengikut negeri. Walau bagaimanapun, dalam menetapkan peruntukan pembangunan, Kerajaan dengan menggunakan beberapa petunjuk (indicators) dapat menentukan bahawa keutamaan diberi kepada negeri-negeri yang mundur supaya perbezaan ekonomi penduduk-penduduk di negeri-negeri berkenaan dapat dikurangkan.

Rakyat Malaysia keseluruhannya telah, sedang dan akan menikmati faedah daripada strategi Kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan tanpa mengira kaum. Strategi itu meliputi empat aspek yang penting iaitu:

(i) Penyediaan bantuan kepada orang-orang miskin untuk membolehkan mereka menambah modal yang produktif atau mengurangkan perbelanjaan mereka.

(ii) Penyediaan peluang-peluang seperti memberi pelajaran dan latihan untuk golongan miskin supaya dapat bergiat dengan lebih aktif dalam sektor pertanian dan bukan pertanian;

(iii) Penyediaan perkhidmatan yang sempurna di bidang-bidang perumahan, pengangkutan, bekalan air dan elektrik, pelajaran, kesihatan, amalan makanan dan pemakanan yang baik dan perancangan keluarga;

(iv) Penyediaan peluang-peluang pekerjaan yang produktif di sektor-sektor ekonomi iaitu dengan cara pembangunan perusahaan dan penempatan perusahaan-perusahaan di kawasan-kawasan kurang maju. Perusahaan-perusahaan yang lebih digalakkan ialah yang menggunakan buruh yang ramai, dan ini dibantu dengan pemberian dorongan yang berupa galakan fizikal.

Mengikut matlamat Dasar Ekonomi Baru, kadar peratus rakyat dalam golongan miskin yang melihatkan 49% dalam tahun 1970 (iaitu 492,000 keluarga yang miskin daripada jumlah 1.606 juta keluarga) dijangka berkurangan kepada 44% dalam tahun 1975, seterusnya 34% dalam tahun 1980 dan 17% dalam tahun 1990. Sukacita dinyatakan bahawa daripada kajian semula yang dibuat, kadar kemiskinan dalam tahun 1977 sudahpun berkurangan sehingga 38%. Ini adalah satu pertanda baik yang menunjukkan bahawa kemajuan telah dicapai bagi mempertingkatkan taraf ekonomi rakyat Malaysia keseluruhannya. Walau bagaimanapun, butir-butir maklumat yang teliti akan diperolehi apabila siap Laporan Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Ketiga disampaikan kelak.

Di samping itu perlulah ditegaskan bahawa ukuran kemajuan taraf ekonomi rakyat Malaysia keseluruhannya ditentukan oleh perkhidmatan dan faedah-faedah yang diterima oleh rakyat di dalam berbagai bidang melalui program-program pembangunan Kerajaan.

Tuan Chen Teck Chen: Soalan tambahan. Memandangkan cara pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang ada sekarang ini sudah mengakibatkan satu klas kekayaan sebagai diadakan atas pengorbanan majoriti rakyat yang miskin khasnya di kalangan rakyat

bumiputra yang majoritinya masih miskin. Maka adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan mengkaji cara-cara pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini supaya matlamat pembasmian kemiskinan yang sebenarnya dapat dicapai.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, cara membasmi kemiskinan di kalangan rakyat yang miskin dikaji sepanjang masa. Kita tidak puas hati dengan satu cara sahaja dan kalau ada cara-cara yang lebih berkesan yang kita dapati, kita akan cuba gunakannya dan kalau Ahli Yang Berhormat boleh memberitahu cara mana yang lebih berkesan, kita sedia menimbang.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada suatu ketika dahulu, Yang Amat Berhormat sendiri telah menyatakan masalah kemiskinan dan masalah bumiputra Pulau Pinang amat teruk. Dan Yang Amat Berhormat sendiri menyatakan masalah itu masalah negara. Saya minta penjelasan sedikit macam manakah yang boleh dikatakan masalah negara.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, masalah kemiskinan bumiputra di Pulau Pinang ini berasal daripada sejarah. Kalau nenek-moyang kita tidak menyerahkan Pulau Pinang kepada British untuk diperintah sebagai tanah jajahan British, maka keadaan penduduk-penduduk bumiputra di Pulau Pinang itu tidak akan menjadi sedemikian. Malangnya nenek-moyang kita dahulu tidak memiklakan tentang perkara ini dan telah menyerahkan Pulau Pinang kepada British dan di bawah pentadbiran British, kedudukan bumiputra di sana adalah terancam begitu sekali sehingga mereka menjadi kumpulan yang termundur sekali berbanding dengan kesemua bumiputra yang ada di Malaysia ini. Sebab itu mereka bermula daripada paras yang lebih rendah daripada paras yang dimulakan oleh bumiputra di dalam negeri-negeri yang lain. Oleh kerana ini maka usaha untuk menaikkan taraf hidup sudah tentulah menjadi lebih sukar daripada usaha yang diusahakan di dalam negeri-negeri yang lain.

Kita memberi tumpuan kepada masalah ini dan menganggap ini sebagai satu masalah yang lebih besar, masalah

nasional dengan kerana kita tidak akan puas hati melihat bumiputra di dalam negeri-negeri lain sahaja mencapai kemajuan sedangkan rakan-rakan kita di Pulau Pinang tidak mencapai kemajuan. Sebab itu kita menganggap ini sebagai satu masalah nasional supaya negara keseluruhannya dapat menumpukan perhatian kepada masalah bumiputra di Pulau Pinang dan mereka dapat diberi bantuan yang tidak bergantung semata-mata kepada keupayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah saya meminta tentang cara-caranya dan di sini saya akan sentuh dua perkara :

- (i) adakah pihak Kerajaan akan menimbang dan mengubah dasar pemberian tanah supaya tanah-tanah yang sangat dihausi oleh kaum petani dan nelayan dapat diberikan kepada mereka supaya kemiskinan mereka dapat diatasi, umpamanya di Melaka beribu-ribu ekar tanah diberikan kepada Syarikat Sri Lanka hanya untuk menyenangkan orang kuat UMNO sahaja; dan
- (ii) umpamanya badan-badan awam seperti Bank Rakyat, Bank Bumiputra. Adakah pihak Kerajaan akan menimbang bahawa pinjaman-pinjaman akan diutamakan kepada rakyat yang miskin bukan hanya kepada segelintir orang atasan yang berada untuk membeli syer-syer dan untuk mencari kekayaan yang lebih besar.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, pemberian tanah adalah urusan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan Ahli Yang Berhormat tentulah tahu bahawa Kerajaan Melaka umpamanya tindakan telah diambil untuk menentukan supaya pemberian tanah yang lebih baik dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Tidaklah payah saya terangkan apakah tindakan yang telah diambil.

Berkenaan dengan tugas Bank Bumiputra dan Bank Rakyat dan sebagainya, ini memang menjadi tanggungjawab mereka dan kita berpuas hati sehingga ini tentang perjalanan mereka dan jika ada cara-cara lain yang dapat kita harapkan kepada mereka, kita akan berbuat demikian.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedari baru-baru ini saya telah dijumpai oleh beberapa orang kaum nelayan daripada Kuala Sungai Baru, Melaka, bila mereka pergi ke Bank Rakyat atau Bank Bumiputra untuk mendapat pinjaman sebanyak \$2,000 sahaja, tetapi permohonan mereka tidak dapat dipertimbangkan kerana tidak ada barang-barang yang boleh dijadikan cagaran (mortgage).

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, biasanya bank-bank kalau hendak beri pinjaman mestilah ada satu jaminan. Jaminan ini mungkin berupa cagaran barang-barang ataupun jaminan daripada orang yang bertanggungjawab. Kalau Ahli Yang Berhormat itu begitu yakin bahawa wang yang dipinjam itu akan dibayar balik oleh orang yang meminjam, saya syorkan supaya Ahli Yang Berhormat menjadi penjamin kepada mereka itu supaya dapat mereka menjamin.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Saya adalah diminta

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup.

Tuan Chan Teck Chan: Saya hendak menjelaskan

Tuan Yang di-Pertua: Sudah!

Tuan Chan Teck Chan: Soalan ini sangat mustahak kerana saya diminta menjadi penjamin, tetapi bank tolak kerana katanya saya seorang politikus. Itu masalah saya, saya tidak boleh diminta menjadi penjamin.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli politikus atau ahli politik? Ini hendak apa Ahli Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Hendak bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bertanya juga, baiklah.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Setinggan seluruh negara samada beliau menyedari

bahawa 60% daripada penduduk-penduduk bumiputra khasnya di dalam Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan ini terdiri daripada penduduk-penduduk setinggan. Adakah satu rancangan ataupun program Kerajaan Pusat untuk menyusun masalah keadaan setinggan di dalam Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini kalau hendak diikuti lain daripada soal asal, tetapi saya serahkan kepada Yang Amat Berhormat kalau hendak menjawab.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penempatan Setinggan ini, saya memang tahu masalah yang dihadapi di Kuala Lumpur ini dan kitapun memang mengambil tindakan supaya setinggan-setinggan ini dapat diberi tempat yang sesuai bagi mereka. Kita tidak dapat memberi jaminan bahawa tiap-tiap seorang setinggan akan diberi rumah dan sebagainya kerana jaminan seperti ini akan menggalakkan lebih banyak setinggan, tetapi kita mintalah supaya Ahli Yang Berhormat serta juga setinggan-setinggan akan bekerjasama dengan Kerajaan dalam usaha kita memperbaiki kedudukan setinggan di dalam Kuala Lumpur ini.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Kalau saya tidak silap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengatakan bahawa saham-saham telahpun dimiliki oleh kaum bumiputra dengan begitu banyak sehingga ada juga ia memberi kepuasan kepada pihak Kerajaan. Di sini ingin saya bertanya dalam lingkungan apakah saham-saham ini dibeli. Umpamanya, tidakkah benar bahawa saham-saham yang diberi tidaklah menurut sebagaimana yang dikehendaki oleh Kementerian Timbalan Perdana Menteri sendiri iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, di mana setiap orang individu bumiputra hanya dihadkan kepada 2,000 saham, tetapi didapati di mana ada ramai pemimpin-pemimpin daripada Parti UMNO yang telah dapat membeli saham sehingga 51,000 dan tidakkah ini melanggar peraturan Kementerian sendiri dan tidakkah ini akan menjejaskan tujuan Dasar Ekonomi Baru untuk menghapuskan kemiskinan.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam pembahagian saham ini kita ingin melihat supaya semua orang mendapat saham yang dipohon oleh mereka. Tetapi untuk semua orang mendapat saham ini, mereka perlu ada wang yang cukup untuk membelinya.

Dan yang kedua, mestilah kita ada saham yang cukup untuk dibahagikan. Sudah tentu kalau saham itu cuma sekian banyak sahaja dan kita ingin memberi kepada begitu banyak orang maka tiap-tiap seorang terpaksa diberi cuma sedikit sahaja, sebab itu saya telah menurunkan daripada 2,000 saham kepada 1,000 saham kepada satu orang. Ini menimbulkan soalan kenapa ada Bahagian UMNO yang mendapat 50,000 saham. Bahagian UMNO biasanya saiznya sekurang-kurangnya besar sedikit daripada DAP—ada 5,000 orang ahli dan sebagainya, kalau kita bahagikan 50,000 saham 50,000 orang ahli, kalau dibahagikan, saya ingat seorang dapat 10 saham sahaja. Jadi pembahagian ini amatlah adil, kalau ahli UMNO cuma mendapat seorang 10 saham, sedangkan orang-orang bukan ahli UMNO dapat 1,000 saham.

PELABURAN ASING

4. Tuan V. David minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa Akta Penyelarasan Perusahaan tidak menggalakkan pelaburan asing di Malaysia. Sila nyatakan jumlah pelaburan asing di Malaysia semenjak tahun 1975 hingga hari ini dan samada keadaan pelaburan telah bertambah baik selepas lawatan beliau ke luar negeri untuk menggalakkan pelaburan asing.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Akta Penyelarasan Perusahaan telah menyebabkan kekurangan pelaburan asing di negara ini. Secara kebetulan, Akta Penyelarasan Perindustrian telah berkuatkuasa semasa ekonomi sedunia mengalami kemerosotan yang bermula pada tahun 1975. Kekurangan pengaliran pelaburan asing ke Malaysia yang berpunca daripada kemerosotan ini telah disalahtafsirkan oleh setengah-setengah pihak berpunca dari Akta tersebut. Semasa kemerosotan itu, banyak negara-negara yang biasanya melabur di negara asing sedang menumpu perhatian kepada pelaburan di dalam

negara masing-masing dan Malaysia seperti juga negara-negara lain di rantau ini, telah menerima pelaburan asing yang berkurangan berbanding dengan tahun-tahun sebelum kemerosotan itu.

Para pelabur asing memang sedar bahawa di mana juga mereka membuat pelaburan mereka terpaksa menerima syarat-syarat dan keadaan yang mengurangkan kemungkinan mereka mendapat hasil seratus-peratus seperti yang diinginkan oleh mereka. Di setengah negara soal gaji tinggi menjadi halangan, di lain negara soal rasuah, soal harga tanah, soal pentadbiran yang cekap, soal pekerja malas, soal sekatan terhadap kepulangan dividend dan lain-lain menjadi halangan. Walaupun ada masalah-masalah ini, kerana kepentingan tertentu pelabur asing sanggup juga melabur. Yang penting bagi mereka bukan sahaja syarat dan keadaan yang terdapat di manamana negara. Yang penting ialah mereka diberi maklumat yang penuh tentang keadaan ini supaya dapat mereka menilai dan menyusun langkah bagi menentukan kejayaan pelaburan mereka.

Dalam lawatan saya ke Eropah dan Amerika Syarikat saya dapati tidak ada tentangan terhadap ICA dari pelabur-pelabur asing. Mereka cuma ingin tahu apa dianya syarat-syarat ICA supaya mudah bagi mereka merancang pelaburan mereka.

Saya dapati juga bahawa umumnya Malaysia masih menjadi negara yang terbaik dari segi pelaburan dalam pandangan pelabur asing. Sebab itu ramai daripada pelabur asing yang sudah ada perusahaan di Malaysia sanggup bercakap dalam seminar-seminar anjuran LKPP untuk menjelaskan betapa ICA tidak menjadi halangan dan Malaysia masih merupakan negara yang terbaik dari segi iklim pelaburan. Yang sering berkata ICA menghalang pelaburan ialah ahli politik dan mereka yang tidak pernah melabur atau mungkin melabur dalam perusahaan dalam negara ini. Jika Ahli Yang Berhormat ingin melabur dalam apa-apa perusahaan dan terhalang kerana ICA, sila jumpa dengan saya supaya dapat kita atasi masalah yang berbangkit dan kita umumkan kepada rakyat hasil rundingan kita.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya tahu daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada tawaran-tawaran yang

dibuat kepada pelabur-perabur asing khususnya juga menyertakan cheap labour di Malaysia, taraf perintis dan juga boleh menindas dengan sewenang-wenangnya kerana apabila ada taraf perintis tidak wujud union di kalangan pekerja-pekerja.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

Tuan Yang di-Pertua, perkataan cheap labour ini adalah satu perkataan yang relatif. Cheap berbanding dengan apa? Kalau berbanding dengan bayaran gaji di Amerika Syarikat sudah tentu gaji yang dibayar di Malaysia ini agak rendah tetapi kalau dibandingkan gaji yang dibayar di Malaysia dengan gaji yang dibayar di setengah-setengah negeri jiran kita, labour kita tidak begitu cheap tetapi walaupun tidak begitu cheap masih juga orang lain suka datang ke sini untuk melabur kerana ada sebab-sebab yang lain seperti taraf perintis dan sebagainya dan taraf perintis ini tidak ada kaitan dengan penubuhan union. Penubuhan union tertakluk kepada undang-undang lain dan bukan undang-undang taraf perintis. Kita memberi taraf perintis sehingga 10 tahun tetapi ada syarikat-syarikat yang bertaraf perintis yang juga pekerjaannya menjadi ahli di dalam union dan ini bukan merupakan satu tekanan. Selain daripada itu kalau kita ingin fikirkan semula tentang usaha ini pilihannya ialah antara tidak ada kerjasama sekali dengan bekerja. Jadi kalau kita tidak mengadakan galakan bagi pelaburan mereka yang dikatakan cheap labour tadi mungkin akan menjadi penganggur semata-mata.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa yang banyak heboh mengatakan Akta Penyelarasan Perindustrian ini tidak menarik pelaburan ialah daripada orang politik dan orang yang tidak hendak melabur. Dalam perkara ini saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri apakah ikhtiar ataupun langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi cakap-cakap daripada pihak politik dalam perkara ini?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada langkah yang diambil ialah menjawab soalan-soalan di dalam Dewan Parlimen ini. Selain

daripada itu kita juga berjumpa dengan para pengusaha untuk memberi penerangan dan setakat ini saya dapati bahawa pengusaha yang genuine, yang betul-betul ingin melabur tidak menjadi masalah bagi mereka menerima syarat-syarat I.C.A. ini.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi soalan tambahan?

Tuan P. Patto: Ya. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu sama ada semasa membuat tawaran kepada pelabur-pelabur asing beliau ada juga menetapkan satu minimum wage dalam setiap bidang pengilangan di mana gaji minima itu boleh menjamin kehidupan sempurna bagi setiap pekerja dan juga tanggungan-tanggungan pekerja.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita ini kita telah menetapkan minimum wage pada setengah-setengah pekerjaan sahaja, umpamanya seperti penjual di dalam kedai-kedai ataupun syarikat-syarikat, selain daripada itu tidak ada minimum wage yang ditetapkan. Ada kemungkinan kalau kita metetapkan minimum wage ini yang kononnya akan memberi kehidupan yang lebih baik kepada pekerja kita, kita tidak akan menarik pelaburan sendiri dan pekerja itu akan melihat minimum wage ini sebagai angan-angan sahaja yang tidak boleh dapat mereka mengecap.

MENARIK BALIK SOALAN No. 5

Tuan Yang di-Pertua: Mengenai soalan No. 5, saya telah menerima surat daripada Yang Berhormat Tuan Racha Umong menarik balik soalan No. 5.

PELABUR-PELABUR TEMPATAN

6. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada suatu "stop ajensi" (stop-agency) yang dicadangkan bagi pelabur-pelabur asing yang berminat dan juga pelabur-pelabur

tempatan telahpun ditubuhkan untuk mempergiatkan pelaburan-pelaburan di dalam negara kita, jika tidak, bilakah ajensi seperti itu akan bermula.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menubuhkan satu Yunit Pusat di Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) dalam usahanya untuk menjadikan Lembaga tersebut sebagai satu "one stop agency" bagi pelabur-pelabur di bidang perindustrian. Yunit ini diketuai oleh Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dan dianggotai oleh Pegawai-pegawai Kanan daripada Kementerian-kementerian Kewangan, Buruh dan Tenaga Rakyat dan Perdagangan dan Perindustrian, Jabatan-jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Imigresen iaitu mereka yang terlibat di dalam pembangunan perindustrian. Yunit tersebut telahpun mulai menjalankan tugas-tugasnya pada 1hb September, 1978.

UNDANG-UNDANG CERMIN GELAP

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan akan menghapuskan undang-undang cermin gelap, memandangkan masalah yang berbangkit dalam negara kerana kekeliruan orang ramai mengenai pelaksanaan dasar tersebut, jika tidak, apakah langkah Kerajaan telah ambil setakat ini bagi menentukan undang-undang itu tidak mendatangkan kesulitan dan menyusahkan orang ramai.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak menghapuskan undang-undang cermin gelap itu.

Saya mengakui memang ada kekeliruan yang telah berlaku di peringkat awal semasa pelaksanaan undang-undang cermin gelap itu. Sejak dari itu beberapa langkah telah diambil bagi mengatasi masalah yang telah ditimbulkan dan membuat pindaan kepada undang-undang yang ada. Ujian-ujian terhadap cermin-cermin yang dibuat "tinted" di kilang telah diadakan oleh SIRIM dan didapati bahawa kebanyakan daripada kereta-kereta yang dipasang di negara ini mempunyai cermin-cermin gelap yang lulus ujian 70% cahaya menembusnya.

Dalam menjalankan tindakan kuatkuasa pada masa ini pihak-pihak penguatkuasa mengambil tindakan terhadap kereta-kereta yang mempunyai cermin-cermin yang terlalu gelap sahaja sehingga pihak-pihak penguatkuasa tidak boleh mengenali pemandu-pemandu dan penumpang-penumpang di dalam kereta-kereta tersebut.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini berapa buah Bosch Meter yang sedang digunakan untuk menguji cermin gelap. Kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa keadaan kucar-kacir telah timbul oleh kerana kadang-kadang Bosch Meter yang digunakan itu ialah yang sebenarnya digunakan untuk menguji density asap dan bukan density cermin yang berkenaan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Bosch Meter yang sekarang berada mencukupi. Kedua, reliability Bosch Meter ini pun telah disahkan oleh SIRIM.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia kita ini adalah negara yang agak panas sedikit dan tinted glass merupakan satu cara untuk mengelakkan kepanasan itu masuk dalam kereta. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk menambahkan sedikit kehitaman yang dibenarkan, bukannya hendak dipinda langsung tetapi membenarkan sun-rays itu lebih kurang masuk di dalam kereta-kereta iaitu meminda kadar yang telah ditetapkan sekarang setakat mana dan sebanyak mana sunlight boleh masuk ke dalam kereta.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa negara Malaysia adalah sebuah negara yang panas. Walau bagaimanapun, Kerajaan terpaksa menimbang keperluan keselamatan sebab dari segi pelaksanaan tugas-tugas mereka, ejen-ejen Polis dan sebagainya perlulah dapat melihat orang yang duduk dalam kereta. Oleh yang demikian, Kerajaan mengizinkan tint sehingga 30%. Dari segi Kementerian, peratus itu mencukupi untuk menyenangkan orang yang duduk dalam kereta itu.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada memberitahu bahawa terdapat sedikit kekeliruan. Tuan Yang di-Pertua, bukan sedikit tetapi banyak kekeliruan telah berlaku sehingga orang yang menggunakan tinted glass itu kena scrape dua kali.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal itu gelap sangat kena dua kalilah.

Tuan P. Patto: Ya, sudah buat sekali, kemudian dari 70% permissibility kembali kepada 30% permissibility. Jadi saya ingin tahu mengapa dan bagaimana kekeliruan ini berlaku dan tidakkah ini menunjukkan bagaimana pentadbiran beliau di dalam Kementeriannya.

Kedua, tentang Bosch Meter, tidakkah Kementerian sedar bahawa ada beberapa buah negeri di mana tindakan Polis telah diambil tanpa menggunakan Bosch Meter ini kerana Bosch Meter belum sampai di negeri-negeri itu, umpamanya Pulau Pinang.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah siasat kenapa kekeliruan berlaku pada masa permulaannya. Izinkan saya menjelaskan bahawa masalah atau kekeliruan berlaku pada hari pertama dan hari kedua pelaksanaan undang-undang ini. Walaupun light Transmission itu sama iaitu 70%, reading atau bacaan dalam Bosch Meter untuk factory tint dan untuk paste-on atau spread-on tidak sama; untuk factory tint ialah 7, untuk artificial tint ialah 5. Pada hari pertama dan kedua, pegawai-pegawai yang menjalankan penguatkuasaan undang-undang ini salah menggunakan reading. Mereka menggunakan reading 5 untuk semua. Itu telah mengakibatkan banyak factory tint tidak diluluskan. Selepas itu tindakan sewajarnya telah diambil dan dibetulkan dan pihak swasta pun telah menghantar screens mereka untuk diperiksa dan diuji oleh SIRIM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lebih 50 specimen yang dihantar oleh syarikat-syarikat yang berkenaan telah diperiksa oleh SIRIM dan telah lulus ujian SIRIM.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 14 adalah diberi di bawah ini).

LALULINTAS DI BANDARAYA

8. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapa banyak lagi jambatan lintas akan dibuat di Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengurangkan kesesakan lalulintas dan dengan perbelanjaan itu, adakah Kerajaan berpuashati bahawa orang ramai telah menggunakan kemudahan itu sepenuhnya, dan jika tidak, sama ada belia-belia yang menganggur boleh digunakan tenaga mereka membantu Bandaraya/Polis melaksanakan sepenuhnya kuatkuasa penggunaan jambatan lintas itu. Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad):

- (i) Sebanyak tujuh buah jambatan lintas baru akan dibina sebelum akhir 1980.
- (ii) Usaha-usaha sedang dijalankan untuk menggalakkan orang ramai menggunakan jambatan-jambatan lintas dengan sepenuhnya melalui kempen-kempen keselamatan jalanraya dan juga kuatkuasa undang-undang.
- (iii) Di Kuala Lumpur pegawai-pegawai yang boleh menguatkuasakan undang-undang penggunaan jambatan-jambatan lintas ialah Polis Trafik dan Warden Trafik Dewan Bandaraya. Dari itu belia-belia yang menganggur tidak boleh diambil untuk membantu Polis Trafik dan Warden Trafik untuk menguatkuasa undang-undang penggunaan jambatan-jambatan lintas melainkan jika sekiranya mereka dilantik dalam perkhidmatan Warden Trafik Dewan Bandaraya.

PELABURAN SWASTA

9. Tuan Lee Boon Peng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelaburan yang telah dibuat semenjak permulaan tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan berikan angka-angka pecahan bagi bidang-bidang yang berkenaan di mana pelaburan itu telah dibuat.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Jumlah pelaburan swasta dalam projek-projek perindustrian sahaja (manufacturing industries) yang telah diluluskan semenjak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga hingga bulan Ogos, 1978 adalah sebanyak \$2,619 juta. Daripada jumlah ini sebanyak \$1,220 juta adalah dalam projek-projek yang diluluskan dalam tahun 1976; \$883 juta di tahun 1977; dan \$516 juta dalam tempoh masa bulan Januari ke Ogos tahun ini.

Pembahagian jumlah pelaburan ini mengikut jenis perusahaan yang dibuat semenjak permulaan Rancangan Malaysia Ketiga hingga bulan Ogos, 1978 adalah seperti berikut:

| | |
|---|------------|
| (1) Pengilangan Makanan ... | \$589 juta |
| (2) Minuman dan Tembakau | 27 " |
| (3) Kain dan Barang-barang Kain | 98 " |
| (4) Kulit dan Barang-barang Kulit | 14 " |
| (5) Kayu dan Barang-barang Kayu | 206 " |
| (6) Perabut dan Kelengkapan | 22 " |
| (7) Kertas, Percetakan dan Penerbitan | 191 " |
| (8) Kimia dan Barang-barang Kimia | 419 " |
| (9) Barang-barang Petroleum | 4 " |
| (10) Barang-barang Getah ... | 83 " |
| (11) Barang-barang Pelastik ... | 36 " |
| (12) Barang-barang bukan Logam | 104 " |
| (13) Barang-barang Logam Asas | 69 " |
| (14) Barang-barang Logam yang Dibentuk | 121 " |
| (15) Jentera | 66 " |
| (16) Barang-barang Letrik dan Letronik | 206 " |
| (17) Kelengkapan Pengangkutan | 98 " |
| (18) Alat-alat Sains dan Ukuran | 7 " |
| (19) Pelbagaian | 22 " |
| (20) Perusahaan Hotel ... | 237 " |

MAS—TAMBANG KAPALTERBANG

10. Datuk Stephen Yong Kuet Tze minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tambang kapalterbang MAS Boeing 737 di antara Kuching dengan Miri yang jaraknya sejauh 326 batu ialah \$176 bagi kelas pertama dan \$124 bagi kelas ekonomi untuk seorang penumpang, manakala tambang di antara Kuching dengan Singapura yang jaraknya sejauh 445 batu ialah hanya \$149 bagi kelas satu dan \$121 bagi kelas ekonomi. Jika ya, mengapakah sebahagian besar penumpang-penumpang warganegara Malaysia yang menggunakan perkhidmatan udara dalam negeri terpaksa membayar kadar yang lebih tinggi.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Saya sedar tentang perbezaan harga tambang di antara Kuching dengan Miri yang berharga lebih mahal dari Kuching ke Singapura sungguhpun jarak jauh di antara Kuching dengan Singapura adalah lebih jauh daripada Kuching dengan Miri. Sebab-sebabnya perkara seumpama itu berlaku ialah kerana apabila Kerajaan membenarkan MAS menaikkan tambang kapalterbang dalam Malaysia dalam bulan Julai, 1976 sebanyak 15%, MAS juga sepatutnya menaikkan tambang di antara bandar-bandar dalam Malaysia dengan Singapura. Tetapi, Kerajaan Singapura tidak membenarkan kenaikan tambang bagi penerbangan di antara bandar-bandar dalam Malaysia ke Singapura. Tujuan Kerajaan Singapura menolak kenaikan tambang ini ialah supaya ia dapat menggunakan perkara kenaikan tambang itu sebagai "bargaining chips" dalam rundingan dengan Kerajaan Malaysia bagi mendapat tambahan perkhidmatan SIA dari Singapura ke bandar-bandar dalam Malaysia.

Perundingan berkenaan dengan Perjanjian Udara di antara Singapura dan Malaysia sedang dijalankan dan perkara tambang itu adalah satu-satunya yang dibincangkan. Apabila masalah itu selesai, perbezaan tambang sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat itu akan dapat diselaraskan.

PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH

11. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan adakah Kementerian ini sedar bahawa rumah-rumah yang dibuat oleh Kerajaan atau pemaju-pemaju perumahan khususnya di bandar-bandar

walaupun bandar kecil tetapi harganya terlalu mahal. Rumah-rumah tersebut tidak dapat dimiliki oleh orang-orang yang berpendapatan rendah khususnya kaum Bumiputra dan ini bererti menjadikan penduduk-penduduk bandar kesemuanya bukan Bumiputra, tidakkah ini bererti terkeluar daripada kehendak-kehendak Kerajaan yang hendak menseimbangkan kedudukan kaum Bumiputra dan bukan Bumiputra di semua tempat. Ini adalah untuk mengukuhkan lagi perpaduan di antara kaum yang ada di Malaysia. Kalau tidak Kementerian berkenaan sedar apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatas perkara tersebut.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Michael Chen Wing Sum): Soalan Yang Berhormat itu adalah terlalu umum. Kementerian saya memang sedar bahawa rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan dan pemaju-pemaju perumahan adalah berbagai-bagai jenis. Ada di antaranya berharga mahal, ada yang sederhana dan ada yang tidak mahal. Oleh kerana Yang Berhormat itu tidak menyatakan berapakah harga rumah dan butir-butir lain rumah yang terlalu mahal dikatakannya itu, maka tidaklah dapat saya memberi jawapan yang lebih khusus.

HUJAN TIRUAN

12. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah kejayaan membuat hujan tiruan dan oleh kerana kemarau selalu mengancam Malaysia sejak akhir-akhir ini dan adakah usaha tersebut akan diteruskan secara bersungguh-sungguh.

Tan Sri V. Manickavasagam: Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia mendapati bahawa hasil dari percubaan-percubaannya membuat hujan tiruan di kawasan MADA sangatlah menggalakkan. Umpamanya dari bulan April 1977 dalam ampangan-ampangan di kawasan itu telah dapat ditambah dari 125,000 ekar-kaki kepada 410,000 ekar-kaki, kesemua tambahan itu disebabkan oleh hujan tiruan. Dalam tahun 1978, air di situ telah sekali lagi ditambah dari 450,000 ekar-kaki pada bulan September berbanding dengan 260,000 ekar-kaki dalam bulan April sebelum operasi-operasi cloud seeding dimulakan.

Memandangkan kepada kejayaan percubaan-percubaan yang tersebut di atas, dan masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani di kawasan MADA Kerajaan telahpun bersetuju meluluskan peruntukan berjumlah \$2.1 juta untuk menjalankan usaha-usaha membuat hujan tiruan ini selama dua tahun sehingga tahun 1980. Dua buah kapal terbang swasta telah disewa untuk memperhebatkan lagi usaha-usaha membuat hujan tiruan ini.

HOSPITAL BESAR DAERAH BEAUFORT

13. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh minta Menteri Kesihatan menjelaskan perkara tersebut:

- (a) mengapa Hospital Besar Daerah Beaufort terlalu lama tergendala pembinaannya, adakah ini disebabkan kekurangan kewangan atau pihak peraksanaan tidak memberi perhatian yang sewajarnya;
- (b) samada proses pengambilan tanah tapak Dispensary Kota Kliang sudah diselesaikan dan jika ya dapatkah pembinaannya dilaksanakan pada tahun 1979; dan
- (c) adakah pembinaan Dispensary di Weston sedang dipertimbangkan. Jika ya, bila.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):

- (a) Adalah disedari bahawa pembinaan Hospital Besar Daerah Beaufort memakan masa sedikit lama untuk disiapkan. Pada permulaan Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan memang telah disediakan tetapi peruntukan ini hanyalah cukup untuk pembinaan rumah-rumah bagi kakitangan hospital di tapak hospital baru yang dicadangkan itu yang mana letaknya berhampiran dengan hospital yang lama. Rumah-rumah ini yang mana menjadi sebahagian daripada kompleks hospital baru itu adalah sangat-sangat dikehendaki untuk menampung keperluan tempat kediaman kepada kakitangan yang berkhidmat di hospital lama. Peruntukan tambahan untuk pembinaan Hospital Daerah Beaufort telahpun disediakan oleh Kementerian Kesihatan dan pelan dasar bagi pembinaan ini telahpun dipersetujui oleh Kementerian ini. Pihak

J.K.R. Negeri Sabah telah meneliti pelan tersebut untuk kajian dan pelaksanaan seterusnya.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat permohonan untuk mendapatkan tanah bagi mendirikan sebuah Gudang Ubat Luar Bandar (Rural Dispensary) di Kota Klias telah dibuat pada bulan Ogos 1977. Perkara ini masih lagi dalam pengendalian pihak berkenaan. Apabila proses untuk mendapatkan tanah ini telah selesai, maka tindakan akan diambil bagi melancarkan projek tersebut. Jika sekiranya tiada apa-apa halangan, tender akan dikeluarkan pada awal tahun 1979.
- (c) Pembinaan sebuah Dispensary Desa di Weston telahpun dicadangkan dalam kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga dan sekiranya diluluskan buat permulaannya sekeping tanah akan dibeli untuk tujuan tersebut.

PEMBUNUHAN WONG AH SENG DAN WONG YOKE LIN

14. Tuan P. Patto minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa dua orang adik beradik bernama Wong Ah Seng *alias* Ah Sai (lelaki) berumur 22 tahun dan adiknya Wong Yoke Lin (perempuan) berumur 20 tahun yang tinggal di 215 Ayer Kala New Village, Grik, Perak, dan bekerja sebagai pekebun tembakau di Rancangan Dua, Ayer Kala, telah didapati hilang pada 22hb Ogos, 1978 dalam perjalanan mereka dengan sebuah motosikal ke kebun mereka dan mayat kedua-dua mereka ini dijumpai dalam Sungai Perak pada 28hb dan 29hb Ogos, 1978, jika ya, apakah sebab-sebab benar kematian mereka ini;
- (b) berapa orangkah telah ditangkap berhubung dengan penculikan serta pembunuhan kedua-dua adik-beradik itu dan apakah nama, umur dan pekerjaan mereka;
- (c) tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil terhadap orang-orang yang bertanggungjawab melakukan kezaliman itu dan adakah sesiapa yang telah ditangkap berhubung dengan kes ini;

- (d) apakah langkah-langkah konkrit yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan bahawa kezaliman-kezaliman seperti ini tidak lagi berlaku, khususnya di kawasan-kawasan yang dikawal rapi 24 jam oleh pasukan-pasukan keselamatan seperti kawasan Ayer Kala; dan
- (e) samada pihak Kerajaan akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Bebas untuk menyiasat dan menentukan siapa yang sebenarnya menculik dan membunuh mereka berdua ini dan Suruhanjaya ini diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi supaya menghapuskan keraguan dan syak-wasangka rakyat serta kehilangan kepercayaan mereka terhadap pasukan-pasukan keselamatan kita.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

Mengikut siasatan Polis kedua-dua mayat itu telah dijumpai dalam keadaan terlalu reput (highly decomposed). Sebab-sebab kematian kedua-dua mangsa ialah "asphyxia due to strangulation". Pihak Polis masih lagi menyiasat kes ini dan setakat ini belum ada tangkapan dibuat. Kerajaan tidak bercadang menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Bebas bagi menyiasat kes ini kerana difikirkan tidak perlu memandangkan pihak Polis sedang giat menjalankan siasatan mereka terhadap kes ini.

USUL-USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga usul menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah diluluskan dan apabila tamat mesyuarat hari ini, Dewan ini hendaklah ditangguhkan hingga pukul 4.00 petang esok, 20hb Oktober, 1978.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga usul menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah diluluskan dan apabila tamat mesyuarat hari ini, Dewan ini hendaklah ditangguhkan hingga pukul 4.00 petang esok, 20hb Oktober, 1978.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Ke bawah Duli kerana Titah Ucapan Ke bawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ke lima." (18hb Oktober, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sewaktu Dewan ini ditangguhkan pada pukul 7.00 semalam, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada sedikit lagi hendak menyambung ucapannya. Saya persilakan.

3.36 ptg.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberi kesempatan menyambung dan pada masa kita berhenti semalam, saya mendedahkan soal

dadah dan bagaimana besarnya kecelakaan soal dadah ini terhadap kita dan saya juga mengatakan bahawa baru sahaja Kementerian saya diamanahkan ini, diberi tugas untuk menghadapi soal dadah ini. Pada ketika ini saya sedang giat merancang dan merencanakan strategi dan program baik daripada jangka pendek ataupun jangka panjang untuk membasmi kan angkara durjana ini. Oleh itu, pada masa ini saya belum lagi dapat membuat garisan atau memberi butir-butir secara terperinci program kerja untuk menentang pengaruh ini. Walaupun demikian, sudah dapat kita sedikit sebanyak gambaran matlamat yang mesti kita tuju.

Misalnya, matlamat ini ialah supaya seluruh masyarakat Malaysia terlibat dan melibatkan diri mengambil tanggungjawab memerangi musuh masyarakat sehingga satu ketika kelak rakyat Malaysia akan menganggap narkotik dadah ini jijik, sama seperti orang Melayu menganggap benci dan jijik daging babi. Bukan setakat haram sahaja dari hukum dunia atau akhirat, tetapi sikap membenci dan sikap jijik. Ini bertujuan supaya kita dapat menghapuskan pelanggan-pelanggan kerana tanpa pelanggan-pelanggannya maka tidaklah dapat dia masuk lagi ke negara kita. Siapa yang hendak beli? Kita akan mencari semua ikhtiar, segala ikhtiar kita akan cari di seluruh dunia ini untuk menentang problem kita ini termasuk juga kepada Vietnam dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kitapun sudah berbual dengan Perdana Menteri Vietnam yang baru-baru ini melawat negara kita dan beliau telah memberi jaminan untuk membantu kita kalau dikehendaki. Kita mengucapkan berbilang terima kasih.

Dalam pada itu, saya tidak akan jemu-jemu menyeru, meminta, menggesa seluruh anggota masyarakat terutama pemimpin-pemimpin masyarakat, ibubapa, guru-guru dari segala kaum dan segala lapisan, marilah kita sama-sama memikul tanggungjawab untuk membersihkan masyarakat kita, membersihkan dari satu gejala yang sungguh merbahaya. Janganlah segala-galanya diharapkan hanya kepada Kerajaan, khasnya hanya kepada Polis untuk bertindak kerana saya kira penyakit dadah ini adalah penyakit masyarakat yang dicetus oleh kerana ada kepincangan di dalam masyarakat, apabila sudah sampai kepada Polis sudah lambat kerana kita kira tentulah ada kesilapannya di tempat lain, apakah

kesilapannya itu di rumah atau di sekolah. Polis hanya mewarisi apa yang gagal di tempat lain. Jadi, kita perlu cari puncunya dan tunas inilah yang mesti kita patahkan dan langkah ini kita mesti mulakan dari peringkat anak-anak, bahkan dalam peringkat buaian lagi, juga undang-undang walau bagaimana keras sekalipun merupakan hanya sebahagian jawapan sahaja kepada penyakit ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal keselamatan negara ini adalah sangat terikat dengan soal ketenteraman awam. Negara ketika ini sedang giat melaksanakan segala rancangan pembangunan, segala rancangan pembangunan untuk rakyat semua, bukan satu pihak, supaya dapat kita menuju matlamat negara seperti yang dicita-citakan di dalam Rukunegara. Pada saat ini kita sudah sampai kepada separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga dan apa yang sedang dilakukan oleh Kerajaan ialah membuat ulangkaji dan menilai semula tentang segala pencapaian dan kemajuan sambil menghitung, mengambil kira bagaimana boleh diperbaiki lagi dan diperubahkan lagi mana-mana yang kurang tepat dan mana-mana yang terpesong dari sasaran atau keputusan yang dihasratkan.

Di dalam dua tahun lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita akan sampai pula kepada peringkat separuh penggal Dasar Ekonomi Baru yang kita rencanakan dan kita rancangkan sebagaimana yang kita tahu selama 20 tahun. Dua tahun lagi cukup 10 tahun dan bila sampai tempoh itu kita juga perlu membuat ulangkaji dan menilai semula. Jadi di dalam keadaan negara sedang giat dan pesat membangun sudah tentu banyak pembaharuan; banyak perubahan dan pembaharuan ini bermakna proses perubahan. Tidak boleh tidak di dalam proses pembaharuan ini, banyaklah pula timbul beberapa perkara yang tidak menyenangkan hati kepada sebahagian masyarakat. Juga di dalam proses pembangunan ini mungkin ada terdapat beberapa perkara yang terjadi di luar atau terpesong daripada rancangan negara. Maka segala kesilapan ini mesti kita cari puncunya, dibetulkan secepatnya supaya tidak melarat supaya unintended consequences ini tidak diinstitutionalisen. Maka dalam hal demikian ini untuk mencapai matlamat negara

untuk kepentingan sebuah masyarakat bukan terhad atau dihadkan kepada sebahagian sahaja masyarakat itu. Maka kita sewajarnya menerima keadaan semua ini sebagai sementara sahaja.

Pada dasarnya memang sebarang pembaharuan atau perubahan akan membawa bersamanya perasaan takut, perasaan cemas, waswas, kurang yakin, frustrated kerana sebab kita belum tahu apa yang kita hadapi, apa yang dibawa oleh pembaharuan ini dan di dalam proses ini tak boleh tidak kita takut, tak boleh tidak kita akan merasa sakit. Seperti seorang ibu yang melahirkan anak. Ini apa yang dikatakan oleh ibu saya sendiri. Sebelum kita dapat menikmati keindahan hidup berkeluarga, menimang anak dengan penuh kasih sayang, terpaksa si ibu tadi melalui proses melahirkan anak, mengalami bermacam-macam kesakitan dan takut dan mungkin juga curiga dan bermacam-macam perasaan tetapi kita tahu itu sementara sahaja. Perasaan ketika itu sahaja, tetapi apabila si ibu sudah melahirkan anak, maka timbullah satu perasaan puas yang tidak terhingga. Jadi bagi pihak Kerajaan kita sudah menggariskan dasar-dasar yang diihamkan dalam Rukunegara dan Kerajaan tidak boleh dan tidak akan berganjak dari dasar-dasar itu yang membawa kepada hasrat meningkatkan matlamat negara. Kerajaan yang ada sekarang tidak boleh, saya katakan di sini digertak, tak boleh diugut, Kerajaan tidak akan mengizinkan dirinya digertak atau diugut untuk mengubah dasar semata-mata untuk memuaskan satu kaum. Kita tidak boleh menerima gertakan ini dan Kerajaan sedar memang ada perasaan curiga, memang kita sedar, memang ada perasaan takut di dalam keadaan perubahan.

Seperti saya katakan tadi, mesti ada perasaan takut dan perasaan frustrated dalam keadaan perubahan kepada sebahagian masyarakat. Dan Kerajaan sedar juga perasaan begitu juga dirasai, dialami oleh sebahagian masyarakat yang lain dengan sebab-sebab yang lain pula. Maka itu Kerajaan yang dipilih oleh rakyat seluruh kaum, dianggotai oleh komponen yang mewakili semua kaum, rancangan yang akan membawa faedah yang sudah dibuat dan yang akan mendatangkan manfaat itu ialah untuk semua kaum, semua lapisan dan semua pihak dalam masyarakat. Dan Kerajaan tidak akan berasa takut atau separuh hati untuk memikul tanggungjawab kepada rakyat. Jadi, saya

minta kepada semua pihak supaya betul-betul memahami hasrat Kerajaan dan sama-sama bertanggungjawab menjaga keamanan kerana keselamatan negara, kerana keamanan ini paling penting untuk semua.

Sekiranya ada perasaan tidak puashati atau curiga, gunakanlah saluran-saluran itu dengan kebijaksanaan yang boleh mengekalkan perpaduan, yang boleh mengekalkan keamanan kerana di dalam suasana keamanan sahajalah baru boleh kita membetulkan perasaan tak puashati, perasaan frustrated dan apa juga perasaan yang curiga tadi, di dalam keadaan pembangunan kita sedang berjalan. Janganlah hendaknya kita hilang akan sehingga sanggup melakukan sesuatu, umpamanya, mengadakan perhimpunan orang ramai yang nanti boleh mencetuskan reaksi yang bertali-talian, ada yang pro, ada yang kontra sehingga akhirnya boleh meletup dan menghanguskan negara. Janganlah sampai sanggup kita mengambil risiko bermain bunga api dengan cara meletakkan negara dalam keadaan yang merbahaya sekali yang boleh mendatangkan bencana kepada semua pihak.

Satu hakikat, Tuan Yang di-Pertua, kita nampak di kalangan kebanyakan masyarakat kita ada golongan dan ada orang perseorangan yang membawa bersama-samanya perasaan saling benci membenci antara satu pihak dengan satu pihak yang lain. Perasaan ini ada yang begitu mendalam dan pihak ini sentiasa mencari helah. Berbagai-bagai cara helah untuk melahirkan perasaan benci ini. Dengan sebab benci itu ada yang sanggup masuk komunis pula, ada yang sanggup mengambil risiko terhadap negara dan rakyat, ada yang sanggup mengisi perasaan ini dan mengeksploitasikannya dan ada yang sanggup perasaan ini dibawa oleh orang lain dan kita mengizinkan diri kita dipengaruhi oleh orang luar. Dalam negara ini kita tidak boleh tidak, kalau kita tidak berfikir dengan tenang, memikirkan soal ini kita tak boleh survive. Kalau rakyat terus mengamalkan perasaan benci-membenci, bagaimanakah negara kita boleh membangun sekiranya kita masih tidak dapat hidup di dalam kesejahteraan? Dan saya menyeru kepada semua pihak supaya marilah kita mengikis perasaan yang merbahaya ini dan menggantikan dengan perasaan kasih sayang sebagai satu keluarga.

Di dalam negara ini kita boleh hidup dengan muhibbah sebagai satu keluarga dan satu negara. Insya Allah, bagi pihak saya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan teragak-agak atau takut-takut untuk menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan untuk menjaga keselamatan awam dan keselamatan negara dan Kerajaan tidak akan merelakan samada orang perseorangan atau apa-apa golongan atau sebarang pihak melakukan sesuatu yang boleh mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara. Tidak sekali-kali kita boleh izinkan siapapun yang boleh mendorong perasaan benci-membenci dan permusuhan terutama sekali antara kaum yang mungkin boleh mengakibatkan kejadian perkelahian kejam dan dahsyat. Tindakan sekeras-kerasnya mengikut undang-undang akan diambil terhadap orang yang cuba melakukan sesuatu di luar lunas undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

3.52 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya membuat jawapan lebih awal daripada yang dijadualkan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat mereka mengenai tugas-tugas dan kegiatan-kegiatan berhubung dengan Kementerian saya iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian semasa membahaskan ucapan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya suka-lah memberi jaminan iaitu Kementerian saya akan memberi pertimbangan yang saksama kepada cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang saya percaya akan memberi manfaat kepada negara dan rakyat. Bagaimanapun, saya ingin mengulas mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai ulasan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Semerah dan Dungun mengenai usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menggalakkan eksport Malaysia ke negara-negara Asia Barat, sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian saya memang sedar bahawa negara-negara tersebut pada keseluruhannya mempunyai potensi yang baik bagi memasarkan barang-barang buatan di negara ini terutamanya keluaran kilang. Dalam menyusun rancangan galakan eksport luar negeri di bawah anjuran Kementerian Perdagangan sejak beberapa tahun yang lalu, tumpuan telah dibuat ke arah meningkatkan barang-barang buatan Malaysia di pasaran-pasaran yang terdapat di Asia Barat dengan menyertai Pamiran Perdagangan Antarabangsa, mengadakan pamiran perdagangan Malaysia dan menghantar rombongan-rombongan perdagangan Malaysia ke kawasan Asia Barat di mana difikirkan adanya kemungkinan untuk mendapatkan pasaran yang lebih luas bagi barang-barang Malaysia. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian saya telah mengaturkan penyertaan Malaysia di Pamiran Perdagangan Antarabangsa di kawasan Asia Barat seperti berikut sejak tahun 1975:

- (i) Pamiran Perdagangan Antarabangsa Saudi di Jeddah — bulan Mac, 1975;
- (ii) Pamiran Perdagangan Antarabangsa Tripoli, Jamahiriah Libya — Mac, 1977;
- (iii) Pamiran Perdagangan Antarabangsa Saudi di Jeddah — bulan Mac, 1977;
- (iv) Pamiran Perdagangan Malaysia di Jeddah bulan April, 1978; dan
- (v) Pamiran Perdagangan Antarabangsa Baghdad, Iraq — bulan September, 1978

Kementerian saya telah juga menghantar rombongan-rombongan perdagangan Malaysia ke kawasan Asia Barat seperti berikut sejak tahun 1974.

- (i) Rombongan Perdagangan ke Arab Saudi dan Pakistan — bulan Mac/April, 1974;
- (ii) Rombongan Perdagangan ke negara-negara Arab di Telok Parai — bulan Oktober/November, 1974;
- (iii) Rombongan Perdagangan ke Arab Saudi, Iraq, Jamahiriah Libya dan Jordan — bulan April/Mei, 1975;

(iv) Rombongan Perdagangan ke Iraq, Mesir, Arab Saudi dan Baharain — bulan April, 1976; dan

(v) Rombongan Perdagangan ke Arab Saudi, Jamahiriah Libya, United Arab Emirates, Kuwait dan Baharain — bulan April, 1978.

Sebagai usaha meningkatkan lagi barang-barang eksport Malaysia ke negara-negara tersebut, Kementerian saya bercadang untuk menghantar beberapa rombongan perdagangan dan menyertai pamiran perdagangan Antarabangsa tahun hadapan.

Di samping rancangan-rancangan yang diatur oleh Kementerian saya, adalah diketahui bahawa pihak-pihak swasta dan badan-badan berkanun tertentu telah juga menyertai pamiran-pamiran perdagangan yang diadakan di negara-negara Asia Barat dan menghantar rombongan-rombongan perdagangan secara persendirian. Perlulah juga saya menyatakan iaitu kumpulan pedagang-pedagang dari Asia Barat seringkali membuat lawatan ke negara ini di masa-masa yang lalu samada atas jempunan Kementerian Perdagangan ataupun dengan cara persendirian untuk menemui pengusaha-pengusaha tempatan untuk membincangkan kemungkinan membeli barang-barang keluaran Malaysia.

Saya ingin memberi jaminan iaitu Kementerian saya akan terus meningkatkan rancangan galakan eksport seperti yang telah saya sebutkan tadi dan percaya bahawa kegiatan-kegiatan seumpama ini akan dapat memperkenalkan barang-barang keluaran Malaysia di pasaran-pasaran yang dikira baru dan menambahkan lagi pasaran untuk barang-barang yang sedia diekspot ke negara-negara Asia Barat.

Rombongan-rombongan Perdagangan ke negara-negara Asia Barat yang telah dan akan dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan mendapati kemungkinan yang besar bagi menambahkan lagi hubungan dagangan antara negara ini dengan negara-negara tersebut, terbit dari pertalian keislaman yang kukuh yang sedia terjalin. Dalam hubungan ini, Kementerian saya sentiasa mengambil kira hakikat ini supaya rombongan

rombongan tersebut bukan sahaja mencapai kejayaan dari segi menambahkan perdagangan Malaysia bahkan juga untuk mengeratkan lagi hubungan persaudaraan dengan negara-negara tersebut.

Mengenai ulasan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Semerah yang telah menyatakan bahawa terdapat kekurangan penerangan-penerangan mengenai negara ini di negara Arab, saya inginlah menyatakan iaitu Kementerian saya melalui Perbadanan Kemajuan Pelancungan telahpun menjalankan kempen-kempen penggalakkan bertujuan untuk menarik penduduk-penduduk di negara tersebut untuk melawat Malaysia. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah :

- (i) Memuatkan iklan dalam majallah-majallah dan akhbar-akhbar tempatan di negara-negara Arab seperti Akhbar Al-Qabas, Kuwait Times dan lain-lain;
- (ii) Menganjurkan "Malaysia Night" iaitu penggalakan usahasama di antara Perbadanan Kemajuan Pelancungan (PKP), Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Sabena Airlines yang berlangsung di Abu Dhabi. Bahan-bahan publisiti yang menggambarkan keindahan Malaysia telah disediakan untuk majlis tersebut;
- (iii) Menaja Pamiran Lukisan Ibrahim Hussein, seorang pelukis terkenal di tanahair, di Kuwait dan Dubai. Penggalakan ini adalah berupa satu usahasama dengan pihak Kedutaan Malaysia di Kuwait. Usaha ini telah mendapat sambutan hangat di samping berjaya memperkenalkan seni dan budaya Malaysia kepada penduduk-penduduk di sana; dan
- (vi) Mengirimkan bahan-bahan publisiti seperti poster, risalah dan lain-lain ke Kedutaan Malaysia untuk diedarkan di Majlis-majlis kebudayaan.

Sebagai langkah sementara sebelum Perbadanan Kemajuan Pelancungan menubuhkan pejabatnya di negara tersebut, pejabat Mas di Kuwait telah dilantik menjadi wakil kehormat Perbadanan yang bertanggungjawab untuk memberi keterangan dan bantuan sewajarnya kepada bakal-bakal pelancung ke Malaysia. Buat masa ini, beberapa kempen penggalakan sedang disusun

bersama-sama dengan pihak MAS untuk memperkenalkan Malaysia kepada penduduk-penduduk di Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membuat teguran terhadap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Segala teguran ini akan dikaji dengan teliti oleh pihak saya, oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan apa juga rancangan yang boleh dilakukan oleh Kementerian akan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

4.00 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang Pertua, saya sukalah membuat sedikit sebanyak jawapan kepada teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang dikemukakan dalam perbahasan beberapa hari yang sudah oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Semerah tatkala berucap menyokong usul terima kasih atas Titah Yang di-Pertuan Agong menarik perhatian Kementerian Luar Negeri mengenai beberapa perkara mengenai kelemahan Kedutaan Malaysia di Cairo terutama dalam bidang penerangan. Di sini saya menegaskan bahawa Kerajaan Malaysia terutamanya Kementerian Luar Negeri memang menyedari betapa perlunya diberi penerangan berkenaan Malaysia di negara-negara Timur Tengah terutamanya di Mesir dan kita di Cairo mengambil berat tentang projek di Malaysia di kalangan masyarakat di sana bukan sahaja setakat memberi penerangan di Mesir bahkan juga Lebanon dan Sudan. Pegawai-pegawai di Kedutaan kita di sana sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk meninggikan lagi image Malaysia. Hasil daripada usaha mereka inilah terbukti Malaysia telah bertambah terkenal. Kalangan akhbar radio dan TV di negara-negara tersebut telahpun mengenali Malaysia bukanlah mula mengenali Malaysia. Wartawan-wartawan dari Mesir sering diundang untuk melawat Malaysia untuk mengenali dengan lebih dekat lagi di samping itu telah ramai pelawat-pelawat yang datang ke negara kita.

Sebenarnya Malaysia memang sudah lama dikenali di negara-negara Arab lebih-lebih lagi sesudah beberapa Kedutaan Malaysia di tubuhkan. Malaysia adalah antara negara-negara Islam yang bukan Arab yang banyak diberi liputan TV lebih-lebih lagi filem dokumenteri. Filem-filem yang ditayangkan itu terlebih dahulu dipilih oleh pegawai Kedutaan kita dan setelah didapati sesuai, barulah dibenar untuk ditayangkan.

Tentang syor Ahli Yang Berhormat supaya bakal Duta Malaysia ke negara-negara Arab dilantik dari golongan yang mengetahui bahasa Arab adalah dalam perhatian Kementerian saya. Tahu bahasa Arab sahaja susahlah juga, selain dari itu pegawai-pegawai penerangan kita di Mesir dan di Saudi Arabia adalah juga dari golongan yang berkebolehan dalam Bahasa Arab.

Tentang katanya Malaysia tidak menyertai perdagangan antarabangsa yang diadakan di Cairo adalah tidak benar. Kedutaan Besar Malaysia di Cairo telahpun mengambil bahagian dalam pameran perdagangan antarabangsa yang diadakan di Cairo dalam tahun 1968, mengikut kadar kemampuan yang terdapat. Antara yang dipamerkan termasuklah contoh berbagai jenis getah dan kayu di Malaysia. Kita tidak dapat mengambil bahagian setiap tahun dalam pameran yang tersebut kerana kita juga mahu mengambil bahagian pameran yang diadakan dalam negara-negara lain. Lagi pun sebelum kita mengambil keputusan menyertai sesuatu pameran, kita mestilah kaji dengan sedalam-dalamnya dan membincang terlebih dahulu dengan pihak-pihak yang berkenaan kerana ini memerlukan wang banyak dan kerjasama dari berbagai pihak. Walau bagaimanapun, pameran secara kecilan pernah diadakan oleh Kedutaan kita di Cairo semasa mengadakan "Minggu Malaysia" di Alexandria beberapa tahun dahulu. Barang-barang yang telahpun dipamerkan termasuklah contoh berbagai hasil Malaysia seperti getah, kayu, bijih, barang-barang dalam tin dan sebagainya. Kita tidak dapat menandingi setengah-setengah negara lain oleh kerana satu-satu sebab yang tidak boleh dielakkan.

Berhubung dengan rencana atau tulisan yang disiarkan di Mesir yang menunjukkan kemunduran Malaysia tindakan telahpun diambil oleh Kedutaan-kedutaan kita di Mesir

untuk membetulkan kesalahan-kesalahan itu. Pihak Kedutaan kita tidak pernah membiarkan perkara itu berlaku dengan tidak ada pembetulan. Tindakan yang diambil itu tidaklah pula dihebahkan ke mana-mana pihak kecuali yang berkenaan sahaja. Perlu dinyatakan iaitu berita yang menunjukkan kemajuan Malaysialah banyak disiarkan baik dalam surat khabar mahupun Radio dan TV.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Sepang, telah melaporkan dalam Dewan ini bahawa rombongan Parlimen yang diketuai oleh Yang Berhormat Tan Sri sendiri sebagai Yang di-Pertua Dewan ini tidak disambut oleh seorang pegawai kanan Suruhanjaya Tinggi di Lapangan Terbang Heathrow semasa beliau dan deligasinya sampai di sana. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat itu yang membawa perkara ini dan saya berdukacita layanan yang tidak seperti itu berlaku. Pada kebiasaannya boleh dikatakan semua VIP yang biasa mendarat di London ditemui oleh Pesuruhjaya Tinggi sendiri ataupun pegawai-pegawai kanan sebagai wakilnya. Pada kali ini Pesuruhjaya Tinggi kita tidak berada dan bercuti di Malaysia dan saya suka menyatakan bahawa penyiasatan teliti sedang dijalankan oleh Kementerian saya dalam hal ini. Suka juga saya mengambil peluang, Tuan Yang di-Pertua, iaitu London adalah satu tempat yang saya suka mengatakan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada masa ini adalah kekurangan pegawai dan boleh dikatakan baru-baru ini kita mengalami sangatlah banyak VIP-VIP kita yang pergi ke sana yang sedikit sebanyak barangkali ada kelemahan di atas menyambut deligasi yang Tuan Yang di-Pertua sendiri dan ahli deligasinya.

Berkaitan dengan soalan tidak hadirnya seorang pegawai dari Suruhanjaya Tinggi semasa dialog diadakan di antara deligasi Parlimen dengan pelajar-pelajar kita, saya telah diberitahu bahawa seorang Attache dari Pejabat Penuntut-penuntut Malaysia di London telah turut serta di dalam ceramah itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang juga telah membuat observation supaya konsep ZOPFAN dapat disokong dan dijamin oleh kuasa-kuasa besar. Semenjak tahun 1971 bila Deklarasi Kuala Lumpur ditandatangani, Malaysia sentiasa bekerja dengan sedaya upaya dengan semua negara menerangkan konsep ini. Pada masa kebelakangannya ini

semakin banyak negara-negara samada kecil atau besar telah memberi sokongan atas konsep ini. Inilah satu kejayaan yang saya rasa pada masa yang lepas ini banyak negara-negara yang telah memberi sokongan dan persetujuan di atas konsep ZOPFAN ini.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Dungun telah menyentuh atas perkara hubungan di antara Malaysia dengan negara-negara Arab dari segi ekonomi dan perdagangan. Sekejap tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan, iaitu perhubungan kita dengan negara-negara Timur Tengah dan negara Arab sangatlah dalam masa yang lampau ini memberi image yang baik kepada kita dan hubungan diplomatik yang erat dari segi kerjasama ekonomi, politik dan sebagainya. Hubungan kita pada masa ini dengan semua Kerajaan Arab adalah baik dan rapat. Melihatkan atas beberapa pertukaran lawatan yang telah dibuat hingga sekarang ini antara Malaysia dengan Asia Timur. Saya yakin hubungan kita akan bertambah kuat dan rapat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja sebagai jawapan kepada yang dibuatkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa dua tiga hari yang sudah dan teguran-teguran yang lain yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, saya sukalah mengatakan dan juga bersama dengan pegawai-pegawai di Kementerian saya akan mengambil perhatian atas apa yang ditegur, pandangan yang dibuat dalam perbahasan ini dan Kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan selanjutnya akan diambil.

4.08 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick Anek Uren): Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab bagi pihak Menteri Kebajikan Am.

Satu sahaja teguran yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Pantii mengenai kekurangan kemudahan pemulihan penagih-penagih dadah di Kementerian saya. Beliau telah berkata bahawa kerana kekurangan kemudahan pemulihan penagih-penagih dadah, maka mereka yang sedang dalam pemulihan selalunya dipaksa dibebaskan dengan awal. Saya ingin menjawab bahawa Kementerian Kebajikan Am sedang menguruskan tiga buah Pusat Pemulihan Dadah yang boleh menampung seramai 420 penghuni.

Saya sedar bahawa tempat ini masih tidak mencukupi dan menyebabkan banyak penagih-penagih dadah terpaksa diletakkan dalam senarai menunggu. Bagaimanapun, Kementerian ini adalah dalam usaha di bawah Rancangan Malaysia Ketiga membina Pusat-pusat Pemulihan penagih dadah dan bila semuanya akan siap kelak akan dapat menerima seramai 1,400 orang penagih.

Teguran bahawa penagih dadah dikeluarkan dengan awal adalah tidak benar. Mengikut Ordinan Dadah Merbahaya, 1952 seseorang penagih dadah boleh dibebaskan dari satu pusat setelah 4 bulan sekiranya pembebasannya adalah dianggap sesuai sungguhpun tempoh perintah Mahkamah ditetapkan selama 6 bulan. Sebaliknya sekiranya tempoh pemulihan perlu dilanjutkan, maka tempoh ini boleh ditambah selama 6 bulan lagi di bawah kuasa Lembaga Pelawat Pusat yang berkenaan.

Bagi Kementerian Kebajikan Am masalah penagih dadah ini ialah masalah yang begitu besar dan usaha sedang pun dikaji untuk membasmi, kalau dapat, masalah ini. Jadi sebarang usaha dan tindakan adalah bertujuan untuk mengawal dan mengurangkan penagihan dan penagih dadah.

4.12 ptg.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu ramai telah mengambil bahagian memberi pendapat-pendapat berhubung dengan Kementerian Pelajaran. Saya tidaklah dapat menjawab tiap-tiap satu daripada perhatian yang telah diberikan kepada Kementerian saya tetapi saya akan cuba seboleh-bolehnya menghuraikan atas dasar-dasar dan rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai permulaan, Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah membangkitkan mengenai masalah-masalah pelajaran rendah. Sukacita saya jelaskan bahawa berbagai-bagai rancangan pembangunan dan pemulihan telah dan sedang dilaksanakan. Di antaranya ialah memberi kemudahan-kemudahan asas pelajaran kepada sekolah-sekolah seperti pembinaan sekolah baru, menambah bilik darjah, alat-alat pengajaran, bantuan buku teks dan buku pustaka serta berbagai kemudahan lagi.

Di dalam memberi bantuan terutama kepada sekolah di luar bandar termasuklah Sabah dan Sarawak, Kementerian saya memberi keutamaan menghantar guru-guru terlatih. Beberapa kelas pemulihan telah ditubuhkan di sekolah-sekolah rendah khususnya di luar bandar bagi membantu murid yang lemah (lembab). Bagi membaiki kesihatan murid-murid pula rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan (AMP) telah dilancarkan dan sedang diperluaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam menyentuh mengenai penukaran guru-guru. Sebenarnya dasar penukaran guru-guru dari luar bandar ke bandar bukanlah semata-mata beralaskan kepada seseorang itu rajin atau dedikasi. Banyak sebab-sebab lain dipertimbangkan seperti lamanya bertugas di sesuatu tempat, mata pelajaran yang diajar dan lain-lain lagi.

Saya tidak percaya kalau dikatakan bahawa guru-guru yang rajin atau dedikasi hilang semangat bekerja di kampung-kampung kerana ancaman orang lain dipercayakan atau menjadi tidak popular. Sebenarnya memang ada segolongan kecil guru-guru yang selalu memberi berbagai-bagai alasan untuk mengelakkan diri dari bertugas di luar bandar. Sukalah saya tegaskan di sini bahawa Kementerian sendiri akan bersikap seberapa adil dalam rancangannya menukar guru-guru, terutama sekali dari sektor bandar ke luar bandar atau sebaliknya.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu telah menyentuh mengenai peruntukan kewangan terhadap sekolah-sekolah, terutama sekali sekolah-sekolah rendah Kebangsaan Cina di Sarawak. Kementerian saya memahami kedudukan sekolah di Sarawak termasuk keperluan-keperluan belajar bahasa Cina dan masalah penerimaan masyarakat Cina terhadap Dasar Pelajaran Negara.

Berkait dengan permohonan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu supaya dibina sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina di sepanjang batu 10 hingga 15 Oyak Sibu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tersebut pada masa ini telahpun ada 3 buah Sekolah Rendah Kerajaan di Batu 8, 15 dan 16 di Oyak Road. Satu daripadanya adalah Sekolah Rendah Kebangsaan Sang Ming di Batu 16 aliran Cina mengandungi 253 orang murid. Kementerian saya berpendapat bahawa pada masa ini bilangan sekolah yang

ada adalah mencukupi bagi menampung pertambahan pelajar-pelajar di sekitar kawasan berkenaan.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyentuh mengenai latihan guru-guru sementara siswazah dan bukan siswazah. Suka saya jelaskan bahawa Kementerian Pelajaran sedang menghalusi masalah memberi latihan kepada guru-guru tersebut dan akan mengambil tindakan yang sesuai untuk memberi latihan kepada guru-guru sementara yang layak. Mengenai perkara perubahan gaji tarikh kebelakangan, mengikut Gaji Laporan Kabinet, pegawai-pegawai sementara yang tidak mempunyai kelayakan penuh sebagaimana yang disyaratkan dalam Sekim Perkhidmatan adalah tidak layak diberi tunggakan gaji mulai 1-1-1976. Gaji mereka adalah diubahsuai mula 1-7-1977. Memandangkan bahawa guru-guru sementara sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu itu tidak mempunyai kelayakan penuh seperti yang disyaratkan oleh Sekim Perkhidmatan jadi gaji mereka hanya layak diubahsuai mulai 1-7-1977.

Ahli Yang Berhormat dari Lambir, Sarawak telah membangkitkan soal mengenai kekurangan guru-guru Bahasa Malaysia di Sarawak. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu, pada masa ini latihan guru-guru di dalam Sekolah Rendah telahpun selesai dan kursus-kursus sedang diteruskan untuk guru-guru di dalam Sekolah Menengah. Sebagai tambahan, Kementerian saya telahpun mula menghantar guru-guru dari Semenanjung sejak tahun 1974 seramai lebih kurang 90 orang setahun. Dengan perlaksanaan rancangan-rancangan tertentu di maktab-maktab perguruan di Sarawak pada masa ini bahasa penghantar Inggeris sedang ditukar kepada Bahasa Malaysia adalah diharap bahawa masalah ini akan dapat diatasi.

Mengenai kekurangan kakitangan di Jabatan Pelajaran Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Simunjan, perlu diingatkan bahawa masalah kekurangan kakitangan bukan sahaja terdapat di Jabatan Pelajaran Sarawak tetapi juga di lain-lain Kementerian. Tindakan menambah kakitangan di pejabat Kerajaan adalah dibuat dari masa ke semasa mengikut keperluan dan kemampuan.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah, telah membangkitkan masalah pakaian seragam untuk murid-murid lelaki dan perempuan yang dikatakan tidak sesuai. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu pada dasarnya hanya pelajar-pelajar Tingkatan 4 ke atas sahaja yang memakai seluar panjang. Bagi pelajar-pelajar Tingkatan 3 sungguh pun mereka dikehendaki memakai seluar pendek, peraturan itu tidak dilaksanakan begitu ketat dan mereka yang mahu memakai seluar panjang tidak ditegah. Bagi pelajar-pelajar perempuan pula baju kurung dibenarkan dan bagi mereka yang di dalam Tingkatan 4 ke atas pakaian ini memanglah sudah pun menjadi kebiasaan dan pada pendapat saya begitu popular.

Saya tidak dapat menerima syor Ahli Yang Berhormat dari Semerah itu yang mahu pelajar-pelajar lelaki diasingkan daripada pelajar-pelajar perempuan di sekolah-sekolah pada keseluruhannya. Dari segi praktiknya agak sulit hendak dilaksanakan kerana ia akan melibatkan wang yang agak banyak dan masalah pentadbiran yang lebih kompleks. Untuk mengelakkan berlakunya perbuatan kurang sopan pada pendapat saya tekanan hendaklah diberi kepada pendidikan moral dan agama bukan sahaja oleh sekolah-sekolah tetapi ibubapa juga.

Yang Berhormat dari Kepong, Tuan Yang di-Pertua, telah membangkitkan masalah graduate yang tidak sesuai dengan kehendak negara. Masalah ini ialah merupakan masalah yang agak kompleks. Saya merayu bahawa koordinasi yang lebih berkesan harus berlaku di antara universiti-universiti sesama sendiri, Kerajaan dan swasta di antara satu sama lain. Kementerian saya sedang berusaha mengatasi soal ini tetapi di samping itu haruslah saya ingatkan bahawa Kerajaan sendiri tidaklah dapat menjamin seseorang yang lulus pelajaran tinggi mendapat pekerjaan meliputi keseluruhannya. Yang Berhormat dari Kepong juga ada mencadangkan supaya Kementerian ini mengkaji semula jenis mata pelajaran bagi Sekolah Menengah, kolej, politeknik dan vokesyenal. Pada masa ini tekanan memanglah diberikan pada kursus-kursus berasaskan sains dan teknologi sambil mengurangkan jurusan sastera. Kerajaan senantiasanya sedar akan kekurangan rakyat kelulusan profesional dan sub-professional. Tindakan telahpun diambil ke arah mengatasi soal ini. Universiti Teknologi Malaysia

sudahpun menyiapkan cadangannya membuka kampus baru di Johor. Sebuah kampus cawangan Universiti Pertanian juga akan diadakan di Sarawak. Di samping itu beberapa kampus cawangan Instituit Teknologi MARA telahpun ditubuh di Perlis, Trengganu, Sabah dan Sarawak. Di samping adanya Politeknik di Ipoh sebuah lagi Politeknik di Kuantan yang berharga \$16.2 juta sedang didirikan untuk menampung kekurangan pelajar-pelajar sub-professional ini.

Mengenai pelajaran Tinggi juga Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah menyentuh berkenaan pengiktirafan ijazah-ijazah dari Universiti India, Nanyang di Singapura, Taiwan dan lain-lain lagi. Kerajaan sebenarnya telah memberi keputusan sejak tahun 1972 tidak akan mengiktiraf kelayakan-kelayakan yang dianugerahkan oleh Universiti Nanyang di Singapura dan Institusi-institusi Pelajaran Tinggi di Taiwan dan juga ijazah-ijazah dalam bidang sastera dan sains dari Universiti-universiti di India. Buat masa ini Kerajaan tidak berniat mengkaji semula keputusan itu berhubung dengan kelayakan di atas. Walau bagaimanapun Kerajaan melalui Jawatankuasa Penilaian memanglah mengkaji kelulusan-kelulusan Universiti-universiti luar berasas kepada "merit of the case" di samping mengkaji taraf pelajaran sesebuah universiti di seluruh dunia dari masa ke semasa.

Mengenai sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu, sukalah saya mengingatkan bahawa soal menutup atau memberhentikan sekolah-sekolah China dan Tamil tidak berbangkit, kedudukannya jelas dalam Akta Pelajaran kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam menyentuh mengenai pelajaran seks yang berkaitan dengan Venereal Disease (VD). Pendidikan mengenai seks tidak diajar di mana-mana peringkat di dalam kurikulum sekolah di negara kita.

Apa yang diajar ialah pelajaran mengenai sistem pembiakan (reproductive system) dalam sukatan pelajaran Sains dan Sains Rumahtangga. Dalam matapelajaran Sains Rumahtangga dan Sains Kesihatan, pelajaran mengenai penyakit-penyakit dan kebersihan umum adalah disertakan. Pelajar-pelajar di peringkat Menengah Atas terutama di Tingkatan VI kadangkala membincangkan implikasi penyakit-penyakit kelamin (VD) terhadap

individu atau masyarakat pada keseluruhannya. Ini dilakukan dalam Kertas Am atau dalam majlis-majlis perbincangan dan sebagainya. Pendidikan mengenai seks adalah satu perkara yang sensitif dan ia memerlukan pemikiran dan pertimbangan yang mendalam sebelum ia diperkenalkan dalam kurikulum sekolah.

Satu perkara yang Ahli Yang Berhormat perlu diberitahu ialah boleh dikatakan di negeri-negeri di mana terutama sekali ada pendidikan seks diajar di sekolah-sekolah, kejadian penyakit kelamin (VD) tidak juga berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan teguran Yang Berhormat dari Baling mengenai sistem pelajaran kita yang kononnya bercorak dualisma iaitu sistem circular dan agama, sukacita saya menerangkan bahawa walau apa pun corak sistem pelajaran mengikut tafsiran masing-masing pada hemat Kerajaan Barisan Nasional ia adalah bertujuan memenuhi hasrat dan cita-cita negara keseluruhannya. Pendidikan agama Islam diberi perhatian yang sewajarnya seperti yang dikehendaki oleh masyarakat Islam. Saya percaya apa juga peraturan yang kita tentukan tidak akan dapat memuaskan hati semua pihak tetapi apa yang saya percaya adalah ianya memenuhi hasrat rakyat terbanyak.

Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Baling itu kepada pujian-pujian yang diterima dari pelawat-pelawat asing dari negara-negara luar Islam bagaimana kita telah berjaya memperimbangkan kemajuan rohani dan jasmani di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya suka menyentuh soal-soal kedudukan Guru-guru sementara yang nampaknya beberapa hari yang lepas telah diperbincangkan di dalam Dewan ini dan lebih-lebih hebat lagi pula di luar Dewan kita yang mulia ini.

Sukalah saya mengambil kesempatan di sini menjelaskan kedudukan yang sebenarnya. Selepas tahun 1975 telah didapati bahawa jumlah guru-guru sementara dalam perkhidmatan Kementerian Pelajaran ialah seramai 8,194 orang. Mereka ini terdiri dari berbagai golongan Perkhidmatan. Perkhidmatan Perguruan termasuklah Guru-guru Sekolah China, Tamil Kebangsaan dan Inggeris yang sekarang dikenal sebagai Jenis Kebangsaan.

Memandangkan nasib mereka ketika itu yang tidak berhaluan maka Kerajaan telah melancarkan satu Rancangan Kursus dalam masa cuti di mana sejumlah 5,575 orang guru-guru sementara pada waktu itu yang berkenaan telah diterima menerusi kursus yang saya sebutkan tadi.

Harus diingat bahawa Kerajaan tidaklah dapat menerima kesemua guru-guru ini dengan tidak mengenakan syarat-syarat minima. Pada waktu Rancangan Kursus dalam cuti itu diistiharkan dahulu beberapa syarat minima yang tertentu telahpun diistiharkan.

Di antara syarat-syarat yang dikenakan ialah:

1. Bahawa mereka hendaklah berkhidmat pada atau sebelum 1975 sekurang-kurangnya selama 2 tahun
2. Bahawa mereka hendaklah lulus SPM atau MCE dengan mendapat kepujian Bahasa Kebangsaan dan Bahasa China atau Tamil mengikut sekolah masing-masing serta satu lagi kepujian dalam mata pelajaran lain. Ini bermakna mereka perlu mendapat minima 3 kepujian.

Setelah Rancangan ini dilaksanakan maka hanya tinggal 2,502 orang sahaja yang tidak mempunyai syarat-syarat yang cukup yang terpaksa ditolak.

Semenjak tahun 1976 Kementerian Pelajaran masih terpaksa mengambil guru-guru sementara terutama bagi sekolah China sementara menunggu pelatih-pelatih yang diterima oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran tamat latihan mereka selama dua tahun melalui Maktab-maktab.

Tidak seorang pun boleh menafikan bahawa guru-guru sementara yang diambil berkhidmat pada atau selepas 1976 jelas dengan sejelas-jelasnya mengetahui bahawa mereka diambil berkhidmat dari sebulan ke sebulan (month-to-month) dan perkhidmatan mereka diberitahu akan ditamatkan apabila guru-guru yang sedang dilatih lulus sebagai guru penuh dan dapat mengisi tempat-tempat mereka sepenuhnya.

Mereka tidak pernah diberi jaminan untuk diambil sebagai guru penuh ataupun untuk diberi latihan. Malahan Rancangan Kursus dalam masa cuti yang saya sebutkan tadi

telahpun diisytiharkan dengan begitu tegas berkali-kali akan ditamatkan pada tahun 1979. Ini berasaskan kepada perkiraan yang telahpun dibuat dengan begitu teliti.

Sungguhpun begitu, saya sendiri sangat bersedipati dengan segolongan guru-guru sementara ini yang ada syarat-syarat minima yang lain tetapi belum dapat menguasai Bahasa Malaysia atau beberapa syarat minima yang lain untuk diserapkan di dalam Rancangan Kursus masa cuti yang berkenaan.

Berasas kepada inilah maka saya telah bersetuju menerima seramai 109 orang guru-guru termasuk beberapa orang berkelulusan Senior Middle Three untuk menjalani kursus dalam masa cuti yang berkenaan supaya membolehkan mereka di dalam masa tiga tahun menjalani kursus itu mengambil kesempatan mendapatkan kelulusan kepujian dalam Bahasa Malaysia atau memenuhi beberapa syarat minima yang lain.

Jelas di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan telah bersikap begitu adil dan bertimbang rasa. Guru-guru sementara yang menunjuk perasaan telah menuntut supaya Kerajaan menerima kesemua daripada mereka yang berjumlah lebih kurang 1,300 orang bulat-bulat begitu sahaja dan mendesak Kerajaan mengeneipkan apa-apa syarat. Kerajaan tidak dapat menerima tuntutan itu. Tentulah tidak adil sekiranya pelatih-pelatih yang telah diterima melalui jurusan-jurusan biasa dan sedang bertungkus-lumus menjalani kursus-kursus di maktab-maktab dengan begitu tekun, selepas mereka lulus, mendapati bahawa tempat mereka itu telah diambil dengan sewenang-wenangnya oleh sahabat-sahabat mereka yang tidak terpilih pada waktu pemilihan dijalankan awal-awal lagi mengikut saluran-saluran yang sedia teratur.

Saya suka menyatakan di sini bahawa soal pengambilan guru-guru sementara yang diperjuangkan oleh pihak-pihak tertentu janganlah sekali-kali dikaitkan dengan soal kepentingan pelajaran sesuatu kaum. Soal ini dihadapi oleh guru-guru sementara dari semua keturunan. Saya suka mengambil kesempatan di sini menyatakan bahawa saya akan terpaksa mengambil tindakan disiplin ke atas sesiapa juga guru-guru yang mengambil tindakan yang tidak diingini seperti melanjutkan langkah-langkah tunjuk perasaan seperti saya dapati yang masih diteruskan

oleh golongan-golongan tersebut di beberapa tempat di Kuala Lumpur ini. Lebih-lebih lagi Tuan Yang di-Pertua apabila saya dapati bahawa mereka menggunakan anak-anak murid sekolah dan elemen-elemen bukan guru selepas saya sendiri bersusah payah berjumpa dengan ketua-ketua persatuan mereka.

Saya telahpun berjumpa dengan wakil-wakil persatuan yang berkenaan dan menghabiskan masa selama lebih daripada 3 jam untuk menghuraikan keadaan yang sebenarnya. Terpulanglah kepada mereka Ketua-ketua ini yang telah saya jumpa memikul tanggungjawab mereka samada hendak membesar-besarkan perkara ini hingga terkeluar dari soal pokoknya atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

4.36 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa perkara berhubung dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sewaktu membahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Di sini saya ingin menyentuh yang mana perlu berkenaan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai mencadangkan supaya Bahagian Kebudayaan di Kementerian diasingkan menjadi tugas Kementerian Penerangan. Pada hemat saya apa yang lebih penting ialah pentadbiran dan pelaksanaan yang kemas dan memenuhi cita-cita dan hasrat negara serta kepentingan nasional yang menyeluruh. Dalam pelaksanaan kebudayaan ini banyak Kementerian-kementerian yang terlibat sama termasuk Kerajaan-kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun, Kerajaan-kerajaan Negeri dan tidak kurang pentingnya ialah pihak swasta dan rakyat sendiri. Berdasarkan kesedaran inilah Kerajaan telah membentuk sebuah Badan Penyelaras yang meliputi semua Kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri dan lain-lain yang terlibat.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah menyentuh tentang konsep kebudayaan kebangsaan supaya menitikberatkan ke arah pembangunan kerohanian. Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin sama-sama sedar bahawa perkara ini adalah juga menjadi dasar dan matlamat Kementerian. Segala usaha sedang dijalankan untuk mencapai matlamat yang berkenaan. Ahli Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa adalah menjadi dasar Kementerian sewaktu membentuk kebudayaan kebangsaan memberi perhatian yang berat kepada unsur-unsur yang berdasarkan kerohanian dan keugamaan.

Berhubung dengan pendapat beliau supaya Kementerian menyusun satu dasar belia negara bagi membendung penagih-penagih dadah, adalah tidak perlu sekarang ini. Kementerian saya bukanlah Kementerian yang bertanggungjawab sepenuhnya mengenai perkara penyalahgunaan dadah. Ini tidak pula bererti Kementerian tidak bertanggungjawab sama sekali mengenainya. Berbagai-bagai usaha dan langkah telah dan sedang diambil untuk mencegah belia-belia kita dari terpengaruh pada keadaan yang lebih berbahaya lagi.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam supaya Kementerian menghantar belia-belia keluar negeri mengikuti latihan vokesyenal, sebenarnya ini bukanlah tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditempohkan selama 20 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.10 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian menyampaikan jawapannya.

5.11 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah Kementerian Pertanian waktu membahaskan usul ucapan terima kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sejak beberapa hari dahulu. Saya tidaklah bercadang hendak mengulas satu persatu tentang perkara-perkara yang dibangkitkan itu kerana pada keseluruhannya ucapan-ucapan yang telah dibuat itu adalah menyokong apa yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dalam usaha hendak meninggikan pengeluaran pertanian dan taraf sosio ekonomi petani-petani dan nelayan-nelayan. Sebenarnya bukannya setakat menyokong sahaja bahkan mengusulkan supaya usaha-usaha itu dilipatgandakan. Yang demikian memadailah, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya menyentuh satu dua perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang Dasar Pertanian Negara. Di samping mengalukan rancangan hendak menggubal Dasar Pertanian Negara itu, pandangan-pandangan telah diberikan mengenai perkara-perkara yang perlu dikaji dalam usaha hendak menggubal Dasar Pertanian Negara itu. Di antara perkara-perkara yang diutarakan ialah mengenai pembukaan tanah baru, susunan semula masyarakat pertanian dan mengurangkan beban kewangan pekebun-pekebun kecil melalui satu sistem cukai yang adil. Mengenai penggubalan Dasar Pertanian Negara ini, Kerajaan sudahpun membentuk sebuah Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya percaya dalam menyempurnakan tanggungjawab ini Jawatankuasa Kabinet akan mengkaji dan mempertimbangkan perkara-perkara yang penting dari beberapa aspek dan bentuk yang luas.

Berhubung dengan subsidi, supaya dilipatgandakan, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, peruntukan untuk subsidi telahpun dilipatgandakan beberapa kali jika dibandingkan dengan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Umpamanya di bawah Rancangan Malaysia Kedua, peruntukan subsidi perikanan hanyalah berjumlah \$1.62 juta sahaja, tetapi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan ini telah ditambah berlipat kali ganda menjadi \$73.7 juta. Begitu juga dengan subsidi untuk

tanam-tanaman yang telah diberi peruntukan sejumlah \$184.57 juta berbanding dengan hanya \$40.4 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Bagi subsidi ternakan pula peruntukan yang telah diluluskan ialah sejumlah \$24.23 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga berbanding dengan hanya \$5.72 juta sahaja di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengawasan dan penyeliaan dari pegawai-pegawai Kerajaan berkait dengan pelaksanaan skim-sekim subsidi ini, perkara ini sememangnya ialah di ambil perhatian berat oleh Kementerian Pertanian. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat program-program subsidi yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian telah pun dikaji dan ditimbang dengan seberapa teliti yang mungkin dari semua segi supaya pelaksanaannya benar-benar memberi faedah kepada petani-petani dan nelayan-nelayan yang menyertai program itu. Walau bagaimanapun, kejayaan program-program itu adalah bergantung besar kepada kerjasama petani-petani dan nelayan-nelayan berkenaan dan bukanlah semata-mata kepada usaha-usaha dan pengawasan oleh pihak pegawai sahaja. Oleh itu saya suka hendak menegaskan di sini kejayaan program-program subsidi itu adalah tanggungjawab bersama di kedua-dua pihak itu. Adalah diharapkan agar semua pihak dapat memberikan tekanan kepada kaum tani bahawa peranan mereka lebih besar untuk mendapatkan faedah yang sepenuhnya.

Kerajaan memang sedar atas tanggungjawab yang dibebankan kepadanya terutama sekali dalam usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan yang menjadi matlamat utama Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Ini adalah memandangkan ramai bilangan keluarga miskin yang terdapat dalam sektor pertanian. Dengan demikian dalam menjalankan tugas-tugas di Kementerian ini maka sokongan dari semua pihak terutamanya dari Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diperlukan sangat-sangat. Oleh itu saya adalah mengalu-alukan sokongan dan teguran-teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bukan sahaja di dalam Parlimen bahkan juga di luar Parlimen. Dengan adanya sokongan itu bukan sahaja akan dapat meringankan tugas-tugas yang dibebankan kepada kami bahkan akan dapat mendorong kami untuk bekerja

dengan lebih tekun dan dengan penuh minat. Insya Allah dengan kerjasama dan sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu matlamat kita untuk meninggikan taraf sosio ekonomi petani-petani dan nelayan-nelayan dan menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan akan dapat kita capai dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat tidak ada hendak memberi apa-apa jawapannya, sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama.

5.18 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pagoh kerana dalam Ucapan Perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan perusahaan getah dan nenas yang jatuh di bawah tanggungjawab Kementerian saya. Berhubung dengan perusahaan getah ini saya adalah bersependapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh itu bahawa perusahaan ini adalah merupakan perusahaan yang terpenting sekali dalam sektor pertanian di negara kita. Sehingga masa ini getah masih merupakan hasil eksport negara yang utama. Pada tahun lalu getah telah menyumbang 22% daripada jumlah pertukaran mata wang asing daripada jumlah eksport negara. Dari segi guna tenaga pula perusahaan getah telah memberi peluang pekerjaan kepada 30% daripada jumlah tenaga kerja dalam negara.

Memang tidak dapat dinafikan perusahaan getah ini telah banyak mencapai kejayaan dalam usaha untuk membangunkan ekonomi negara sepertimana yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh itu. Di antara kejayaan-kejayaan yang telah dicapai termasuklah kejayaan pihak kerajaan untuk meninggikan pendapatan pekebun-pekebun kecil dengan cara menambahkan daya keluaran hasil getah mereka melalui usaha-usaha menanam semula serta memberi bantuan-bantuan nasihat secara saintifik. Namun begitu ajensi-ajensi di bawah Kementerian saya seperti Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia serta Pusat

Penyelidikan Getah Malaysia masih terus berusaha dan membuat kajian serta penyelidikan-penyelidikan yang bertujuan untuk memajukan perubahan getah negara secara keseluruhannya. Umpamanya kajian-kajian sedang dibuat oleh pihak Pusat Penyelidikan Getah untuk mencipta benih-benih getah yang bermutu tinggi yang dapat menambahkan hasil keluaran, di samping mencipta sistem-sistem torehan yang lebih baik.

Di peringkat antarabangsa pula melalui forum-foram dan Persidangan Antarabangsa UNCTAD dan ANRPC, Kementerian saya sedang berusaha untuk mengwujudkan kestabilan harga getah asli di pasaran antarabangsa yang mana pada keseluruhannya jika matlamat ini berjaya akan memberi faedah yang lebih besar kepada pekebun-pekebun kecil, estet-estet dan ekonomi negara keseluruhannya. Selain daripada itu Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia melalui pejabat-pejabatnya di luar negeri terus berusaha untuk menambahkan keyakinan pengguna-pengguna di luar negeri tentang mutu getah asli dengan tujuan untuk meningkatkan lagi pasaran getah asli.

Merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh supaya mendirikan lebih banyak lagi pusat memproses getah untuk memperbaiki taraf hidup petani, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa memanglah menjadi dasar Kementerian saya iaitu melalui Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) untuk mendirikan lebih banyak lagi kilang-kilang sebagai pusat memproses getah pekebun-pekebun kecil. Setakat ini MARDEC telah mendirikan 15 buah kilang di seluruh Semenanjung Malaysia. Dan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga MARDEC akan mendirikan lebih banyak lagi kilang yang khusus untuk memproses getah pekebun-pekebun kecil.

Di kawasan-kawasan di mana MARDEC telah mendirikan kilang-kilangnya, pekebun-pekebun kecil getah telah mendapat harga yang lebih baik jika dibandingkan dengan harga yang biasa diterima menerusi pemasaran tradisional. Setakat ini adalah dianggarkan kira-kira 20% pekebun-pekebun kecil getah di Semenanjung Malaysia telah mendapat faedah secara langsung daripada operasi MARDEC dan dianggarkan kira-kira 50% lagi telah mendapat faedah secara tidak langsung dari kenaikan harga getah akibat operasi MARDEC tersebut.

Kerajaan memang menyedari bahawa terdapat keadaan kemerosotan dalam perubahaan nenas pada akhir-akhir ini, khususnya dari segi keluasan dan pengeluaran buah dalam sektor pekebun kecil.

Kementerian saya melalui Lembaga Perubahaan Nenas Tanah Melayu sentiasa meneliti dan mengawal perkembangan-perkembangan perubahaan nenas untuk menjamin kemajuan yang teratur. Untuk mengatasi masalah kemerosotan di dalam sektor pekebun kecil ini, matlamat utama Kerajaan ialah untuk mempertingkatkan daya pengeluaran pekebun-pekebun kecil melalui projek-projek bantuan Kerajaan. Projek-projek yang sedang dan akan dijalankan termasuklah Rancangan Tanam Semula Nenas, Perkhidmatan Perkebangan, Bantuan Kredit Input Tanaman, Penyelidikan, menjamin pemasaran dan harga buah yang teratur dan akhir sekali pelancaran Projek Pembangunan Pertanian Johor Barat.

Adalah menjadi harapan Kerajaan bahawa kejayaan perlaksanaan segala projek-projek bantuan yang dijalankan akan lebih berkesan lagi dengan sambutan yang sewajarnya dari pihak pekebun-pekebun kecil sendiri. Kementerian saya sentiasa mengawasi dan menentukan dari masa kesemasa supaya segala projek-projek yang dilaksanakan dapat mengatasi sebarang kemerosotan dan kesulitan di dalam perubahaan nenas.

5.25 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab sedikit atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah bercakap.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda ada menyentuh sedikit atas perkara berkaitan dengan talipon dan letrik di Ulu Muda dan suka saya menyatakan di sini sungutan Ahli Yang Berhormat itu mengenai telefon benar berlaku di kawasan Ulu Muda terutama di Sik dan Pendang, tetapi tindakan bagi memperbaikinya telahpun diambil dengan menukarkan ibu-ibu sawat yang lama di situ dengan ibu-ibu sawat baru pada 28hb. September tahun ini. Dengan penukaran ibu sawat lama kepada ibu sawat baru adalah diharapkan perkhidmatan telefon di Pendang akan menjadi baik.

Berkenaan dengan perkhidmatan talipon di Sik pula perkhidmatan di situ adalah dibuat melalui talian-talian yang terpaksa merintang dan melalui ladang-ladang getah. Oleh yang demikian, perkhidmatan telefon ke Sik adalah bergantung kepada keadaan cuaca. Jika sekiranya ada ribut dan dahan-dahan kayu jatuh dan menimpa talian-talian telefon maka gangguan akan juga berlaku. Untuk menjawab atas perkara bekalan letrik ke Sik sekarang ini, di Pekan Sik itu sendiri perbekalannya dijalankan oleh perlesenan awam.

Mengenai perkara di luar pekan itu, dahulu ada cadangan untuk menanam cable, kemudiannya rancangan tersebut digantikan dengan mengadakan overhead cable. Overhead cable ini dijangka dapat dilaksanakan dalam masa dua tahun lagi. Sementara menunggu overhead cable, pihak L.L.N. merancang untuk mengadakan semua rural station dalam rancangan perbekalan letrik luar bandar seperti dibuat di setengah-setengah kawasan di ulu-ulu atau di pendalaman. Projek ini baru diluluskan dan di harap dapat dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya nyatakan di sini untuk mengadakan bekalan letrik luar bandar adalah tugas yang ditujukan dengan pentingnya oleh Kerajaan dan sekarang ini kita sudahpun mengadakan satu task force untuk mengatasi masalah mengadakan bekalan letrik luar bandar di beberapa buah negeri yang perlu. Sekarang ini negeri-negeri yang termasuk dalam projek tersebut ialah negeri Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis dan jika perlu negeri-negeri lain, jika dikira perlu kelak, boleh juga dimasukkan dalam projek-projek task force untuk mengadakan letrik luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

5.30 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih atas pandangan-pandangan yang membina yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong. Beberapa perkara telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan bagi menjimatkan masa, saya akan menjawab dan memberi pandangan atas satu dua perkara utama. Perkara-perkara yang lain adalah diambil perhatian dan jika membina akan dikaji dan tidakkan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah menyentuh dengan panjang lebar mengenai tindakan-tindakan kerajaan meminda Perlembagaan dari masa kesemasa. Beliau mendakwa bahawa oleh kerana terlalu banyak pindaan yang dilakukan dalam tempoh 20 tahun yang lalu, maka kedudukan Perlembagaan menjadi tidak efektif. Beliau juga menyarankan bahawa sesebuah Perlembagaan hendaklah dipinda hanya atas keadaan-keadaan yang mendesak. Beliau seterusnya mendakwa juga bahawa kebanyakan daripada pindaan-pindaan yang telah dibuat kepada Perlembagaan adalah semata-mata untuk menghancurkan kebebasan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini adalah satu tuduhan yang tidak berasas sama sekali. Kerajaan hari ini dan Kerajaan-kerajaan sebelumnya adalah menjunjung tinggi keluhuran Perlembagaan. Tetapi kita harus sedar bahawa Perlembagaan kita telah digubal apabila kita mencapai kemerdekaan. Ia merupakan piagam negara dan menjadi framework yang mengariskan cita-cita masyarakat kita—cita-cita yang hanya dapat dicapai melalui proses demokrasi. Inilah prinsip yang terkandung dalam Perlembagaan kita. Kerajaan pada hari ini berpegang teguh kepada prinsip ini dan berikrar akan memeliharannya. Tetapi kita harus ingat bahawa sesebuah negara, seperti manusia, pasti berubah. Ini satu hakikat yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa, terutama sekali oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara kerana dalam "political career"-nya, beliau telah banyak berubah—misalnya berubah parti.

Selagi masyarakat itu berubah, maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menentukan bahawa "framework" yang merangkumi cita-cita dan aspirasi rakyat dapat disesuaikan dengan perubahan dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Perlembagaan adalah satu dokumen yang hidup (living document) dan

seharusnya ia berkembang. Saya ingin mengulangi pendirian Kerajaan hari ini bahawa apabila keadaan memerlukan, tindakan akan diambil bagi meminda Perlembagaan. Tetapi dalam hal ini, Kerajaan ini dan Kerajaan-kerajaan sebelumnya tidak pernah mengambil tindakan yang terburu-buru. Sebagai contoh, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1976 telah dikemukakan ke Parlimen setelah diteliti oleh Kerajaan selama lebih dua tahun. Demikian juga dengan pindaan-pindaan kepada Perlembagaan yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dalam tahun 1962. Pindaan tersebut telah dikemukakan untuk diluluskan setelah diteliti oleh Kerajaan selama lebih setahun.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara berucap dalam Dewan yang mulia ini seolah-olah beliaulah seorang yang menjadi jaguh mempertahankan Perlembagaan. Saya harap Ahli Yang Berhormat tidak mudah mengeluarkan ucapan yang umum dengan tuduhan-tuduhan yang samar-samar. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu menyebut tentang pindaan-pindaan kepada Perlembagaan dalam tahun 1962, saya telah meneliti ucapan Ahli Yang Berhormat itu dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini pada 31hb Januari, 1962. Setelah meneliti ucapannya, saya tidak dapat apa-apa cadangan yang membina mengenai perkara yang dikemukakan. Sebagaimana biasa, beliau berselindung di sebalik perkataan yang sedap bunyinya dan melemparkan tuduhan-tuduhan yang tidak dapat dibuktikannya terhadap Kerajaan pada masa itu.

Diakhir ucapannya dalam tahun 1962 itu beliau mendakwa dan, Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya memetik percakapannya:

"The proposed amendments are not the will of the people, but it is the will of a few individuals who are in power."

Maksudnya, pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah kehendak sebilangan kecil orang-orang dalam Kerajaan pada masa itu. Pendapat Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar kerana Rang Undang-undang itu telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dengan sokongan lebih daripada 2/3 undi yang termasuklah juga Parti PAS yang pada masa itu adalah pihak Pembangkang—sama juga pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Damansara berucap seolah-olah hanya beliaulah yang akan mempertahankan keluhuran Perlembagaan pada setiap masa. Malangnya, apabila pengundian dibuat ke atas pindaan kepada Perlembagaan dalam tahun 1962 dulu, beliau telah menghilangkan diri. Ini dapat dibuktikan dalam Penyata Rasmi Dewan Rakyat pada 31hb Januari, 1962.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat menggalakkan dalam masa perbahasan Titah Ucapan Diraja beberapa orang Ahli Dewan ini telah memberikan pandangan-pandangan terhadap perpaduan negara. Secara amnya, hal ini adalah satu pertanda baik dan semua teguran yang membina akan dipertimbangkan. Walau bagaimanapun baru-baru ini beberapa orang Ahli dari pihak Pembangkang, samada di dalam mahupun di luar Dewan ini dengan berselindung di sebalik perpaduan negara telah menimbulkan isu-isu emosi hingga ianya menyentuh perasaan sensitif orang ramai. Tindak-tanduk yang sedemikian sama sekali tidak dapat menggalakkan persefahaman dan perpaduan di kalangan berbagai kaum malah sikap yang tidak bertanggungjawab ini patutlah dikutuk.

Dalam sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia, adalah menjadi perkara biasa terdapat keadaan di mana dasar-dasar dan rancangan kerajaan dianggap tidak adil, menimbulkan diskriminasi dan menyentuh hak asasi kaum-kaum. Keadaan seperti ini hendaklah jangan dianggap sebagai satu kegagalan dalam sejarah negara tetapi hendaklah dianggap sebagai satu ujian. Dengan pimpinan yang bertanggungjawab di pihak Kerajaan, dengan semangat bertolak ansur untuk kebaikan negara dan dengan persefahaman serta kerjasama daripada semua rakyat Malaysia yang taat setia, masalah-masalah itu insya Allah akan dapat diselesaikan atau diatasi.

Berkenaan cadangan Ahli dari Kuala Lumpur Bandar supaya ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja bagi mengkaji masalah-masalah perpaduan negara, nampaknya perkara ini masih lagi menjadi irama atau lagu kesukaan pihak Pembangkang dan sekarang lagu ini adalah lagu basi (*Tepuk*) - Penubuhan sebuah Suruhanjaya

Di Raja itu tidaklah perlu kerana kesemua jentera Kerajaan adalah digerakkan bagi mencapai perpaduan negara. Jika ada apa-apa kelemahan dalam rancangan-rancangan Kerajaan untuk mencapai matlamat ini, Kementerian-kementerian dan lain-lain agensi Kerajaan dapat mengetahuinya dan tindakan yang segera akan diambil bagi membetulkannya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, benarkan saya menerangkan bahawa Lembaga Perpaduan Negara masih terus menjalankan aktiviti-aktiviti di bawah rancangan Kelas Perpaduan Rakyat dan rancangan Perhubungan Masyarakat. Sebenarnya rancangan Perhubungan Masyarakat sejak pelancarannya lagi telah diperluaskan bagi meliputi bandar-bandar di Semenanjung Malaysia, di Sarawak dan juga di Sabah. Kalau aktiviti-aktiviti Lembaga Perpaduan Negara itu kurang diketahui oleh orang ramai ini adalah sebab akhbar-akhbar kurang memberi berita berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Lembaga itu. Sebagai contoh, baru-baru ini satu kempen kebersihan bandar yang dianjurkan oleh Majlis Perhubungan Masyarakat, Kota Bharu telah dilancarkan di bandar itu, tetapi beritanya tidak mendapat tempat di akhbar-akhbar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Balik Pulau telah mencadangkan supaya Kerajaan mengambil tindakan sewajarnya supaya belia-belia kita tidak digunakan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab dalam mempermainkan isu-isu yang sensitif. Patut juga disebut selain daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Lembaga Perpaduan Negara melalui rancangan Kelas Perpaduan Rakyat dan kegiatan luarnya seperti Kemahkerja, kegiatan sukan kebudayaan dan lain-lain telah dapat memberikan peluang kepada belia daripada berbagai kaum bercampur gaul antara satu sama lain dan dapat mengetahui keadaan sebenarnya isu-isu itu dan masalah yang dihadapi oleh negara. Aktiviti ini juga memberikan peluang kepada belia-belia kita bagi memahami dengan sepenuhnya dan menghormati dan juga mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi, saya tidak berhajat hendak menyentuh semua perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sungguhpun saya tidak menjawab atas perkara-perkara itu sebagaimana yang saya katakan tadi, perkara-perkara itu adalah diambil pertimbangan dan jika cadangan-cadangan itu membina, insya Allah, cadangan-cadangan itu akan dilaksanakan. (Tepuk).

5.48 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Wilayah Persekutuan semasa perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja.

Kementerian Wilayah Persekutuan akan memberi pertimbangan yang saksama kepada segala pandangan, teguran dan cadangan yang dibuat itu yang difikirkan boleh memperbaiki mutu perkhidmatan Kementerian Wilayah Persekutuan kepada semua orang dan perkara yang termasuk dalam bidang peranan dan tanggungjawabnya.

Dalam jawapan saya potang ini, untuk menjimatkan masa, saya hanya akan menyentuh dua perkara yang difikirkan umum, yang jawapannya elok diberi sekarang juga.

Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu telah menyentuh tentang pengguna papan-papan tanda di Kuala Lumpur dan juga iklan yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia dan dengan itu menampakkan satu keadaan yang seolah-olah sama seperti di Taiwan dan Hongkong. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini syarat menggunakan Bahasa Malaysia untuk iklan-iklan dan papan-papan tanda telah pun dilaksanakan secara urusan pentadbiran yang mensyaratkan supaya semua bentuk iklan dan papan tanda hendaklah menggunakan Bahasa Malaysia apabila permohonan untuk mengadakannya dibuat kepada Bandaraya, tetapi peraturan ini tidak dipaksakan kepada iklan-iklan dan

papan-papan tanda yang telah lama ujud. Oleh itu untuk menjamin keseragaman dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan untuk semua bentuk iklan dan papan tanda maka Kerajaan sedang menggubal satu undang-undang baru yang dinamakan Undang-undang Kecil (Iklan) Kerajaan Tempatan (Wilayah Persekutuan) 1978 bagi menggantikan Undang-undang Kecil (Iklan) Perbandaran Kuala Lumpur 1954.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah meminta Kerajaan supaya mengambil berat terhadap penduduk-penduduk yang diberi notis supaya pindah daripada kawasan tanah seluas 50 ekar di Sentul. Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan yang bertanggungjawab dan berjiwa rakyat dan Kementerian Wilayah Persekutuan memanglah dalam hal ini mengambil berat terhadap penduduk-penduduk yang diberi notis untuk berpindah dari kawasan tersebut. Maka oleh sebab itulah setingan-setingan yang telah menerima notis pindah daripada kawasan itu iaitu kawasan yang terlibat dengan pembinaan Lebuh raya Kuala Lumpur-Karak akan disediakan rumah ganti bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

5.51 ptg.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa masalah mengenai dasar dan aktiviti-aktiviti Kementerian Pengangkutan di dalam perbahasan di atas Titah Ucapan Di Raja pada kali ini. Izinkan saya mengulas dan menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan yang saya fikir perlu diberi penjelasan.

Berhubung dengan "Kempen Disiplin Berbudibahasa" yang dilancarkan oleh Keretapi Tanah Melayu baru-baru ini yang disentuh oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Padang Serai, saya sukalah menjelaskan bahawa kempen tersebut adalah bertujuan untuk:

(1) Meningkatkan semangat di kalangan semua kakitangan supaya mengamalkan sifat berbudibahasa, bersopan-santun dan berdisiplin dalam memberi perkhidmatan.

(2) Menekankan kesedaran dan kepentingan di kalangan semua kakitangan bahawa amalan berbudibahasa, bersopan-santun dan berdisiplin akan menambah dan meninggikan lagi imej Keretapi Tanah Melayu dalam masyarakat.

(3) Mengekalkan kesedaran di kalangan semua kakitangan bahawa amalan berbudibahasa, bersopan-santun dan berdisiplin bukan sahaja akan memberikan kepuasan kepada diri sendiri tetapi lebih-lebih lagi akan juga dapat meninggikan daya pengeluaran dan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan makna.

(4) Membaharui azam, "kepada rakyat kami berkhidmat" dan sikap semua kakitangan dalam memikul tanggungjawab ternyata yang diamanahkan selaras dengan peranan penting keretapi kita.

Keretapi Tanah Melayu akan melancarkan kempen-kempen seperti ini dari masa ke masa untuk memperbaiki lagi perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul telah menyuarakan supaya Lapanganterbang Sibul yang sekarang diperbaiki dan pembinaan awal bagi membesarkannya dapat dibuat. Sebenarnya memanglah menjadi tujuan dan matlamat Kementerian saya semua lapanganterbang untuk kapalterbang kecil dibaiki dari satu masa ke satu masa bukan sahaja berhubung dengan lapanganterbang itu tetapi juga kemungkinan menggantikan kapalterbang-kapal-terbang kecil yang menggunakan lapangan-terbang luar bandar di negeri Sarawak itu. Bagi Lapanganterbang Sibul tidaklah dapat diperluaskan lagi oleh kerana terdapatnya masalah tanah yang terhad. Di sebelah barat landasan tersebut terdapat sebatang sungai manakala di selatannya adalah kawasan paya.

Memandangkan kepada keadaan ini satu kajian pelan induk telah dibuat pada bulan Jun ini untuk mengadakan satu lapangan-terbang baru bagi Sibul yang membolehkan kapalterbang yang lebih besar mendarat di situ. Tanah untuk pembangunan lapangan-terbang baru ini telahpun diperolehi dan penyiasatan berkaitan dengan keadaan tanah tersebut akan bermula pada bulan akan datang. Pelan induk dan rekabentuk yang lengkap sebelum pembinaan ini dapat dibuat dijangka dapat disiapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Sementara itu, Kementerian saya akan membaiki lapangan terbang Sibu yang ada pada masa sekarang. Untuk tujuan ini satu peruntukan sebanyak \$400,000 telahpun diluluskan bagi membaiki permukaan landasan (re-surfacing) Lapangan terbang Sibu sekarang.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang supaya jadual keretapi di Rantau Panjang disusun semula, perkara ini akan dikaji dan sekiranya perlu perubahan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli kawasan Kimanis telah menyentuh perkara tambang kapal terbang yang tinggi di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu yang tidak bezanya dengan tambang-tambang ke Taiwan, Hong Kong dan Manila. Saya ingin menjelaskan bahawa kenyataan ini tidaklah benar kerana sekiranya dibandingkan dengan tambang "excursion" yang ditetapkan dari Kuala Lumpur ke Hong Kong, Taipei dan Manila didapati bahawa tambang-tambang ini adalah lebih tinggi daripada tambang kelas ekonomi pergi balik yang biasa dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu sebanyak 54%, 108% dan 22.5% bagi tiap-tiap perjalanan yang tersebut itu.

Selain daripada tambang-tambang biasa, terdapat juga tambang murah pelancungan sebelah malam di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu yang 50% lebih murah daripada tambang kelas ekonomi pergi dan balik yang biasa.

Mengenai masalah penerbangan perkhidmatan kargo MAS yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kimanis, sebenarnya pada masa ini MAS mempunyai dua penerbangan kargo Kuala Lumpur-Kuching-Kota Kinabalu dalam seminggu. Walau bagaimanapun pada masa hampir-hampir penghujung tahun didapati jumlah kargo telah meningkat disebabkan oleh musim perayaan dan keadaan laut yang tidak baik. Di samping itu, ada juga terdapat MAS terpaksa membatalkan penerbangan kargo—disebabkan jumlah kargo tidak memuaskan. Perlu juga dinyatakan bahawa kapal terbang tersebut akan terbang balik ke Kuala Lumpur tanpa membawa kargo.

Berhubung dengan rundingan hak-hak pendaratan MAS di United Kingdom dan Singapura yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kimanis, suka saya jelaskan perkhidmatan udara antarabangsa adalah

tertakluk kepada persetujuan yang dicapai dalam perundingan-perundingan udara dengan negara-negara berkenaan. Pihak Malaysia telah dan akan terus mengambil pendirian yang patut untuk mencapai pertukaran hak pendaratan yang adil dan saksama.

Menyentuh tentang kadar tambang bas yang tinggi di Sabah berbanding dengan Semenanjung Malaysia, Kerajaan telah memutuskan untuk memajukan penguatkuasaan perundangan pengangkutan jalan bermula awal tahun ini secara berperingkat-peringkat dengan tujuan untuk menyeragamkan perundangan dengan Semenanjung Malaysia. Dengan pelaksanaan ini, maka perbezaan tambang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan itu boleh dikaji, dan jika didapati sesuai akan diselarasakan.

Mengenai tambang MAS yang tinggi di Sabah yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan itu, saya suka menjelaskan iaitu kenaikan tambang itu telah dipersetujui oleh Kerajaan sebanyak 15% bagi penerbangan dalam negeri apabila MAS menghadapi kenaikan kos perbelanjaan termasuk gaji, minyak dan sebagainya. Sebaliknya pula tambang daripada mana-mana destination dalam negeri ke Singapura juga sepatutnya dinaikkan tetapi pihak Singapura belum bersetuju kenaikan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah memaklumkan kepada saya bahawa beliau tidak ada apa-apa jawapan yang diberikannya. Maka dengan sebab itu saya jemput sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

6.00 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian saya iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Saya telah meneliti ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dan akan menjawab satu persatu, teguran-teguran itu.

Pertama, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat. Beliau telah menyuarakan bahawa pentadbiran Pejabat Tanah sekarang ini adalah lemah dan beliau berharap supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah yang segera untuk mengemaskinikan jentera pentadbiran Pejabat Tanah supaya urusan-urusan dapat dijalankan dengan lancar. Suka-lah saya menyatakan di sini bahawa Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedar di atas kelemahan-kelemahan yang terdapat di bidang Pentadbiran Tanah sekarang ini. Tindakan-tindakan sedang diambil untuk mengatasinya. Satu faktor besar yang menyebabkan kelemahan-kelemahan ini berlaku ialah kekurangan bilangan kakitangan yang sedang dihadapi oleh Pejabat-pejabat Tanah berbanding dengan beban kerja yang telah bertambah berlipat ganda. Tindakan sedang dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menambah kakitangan-kakitangan di Pejabat Tanah sejajar dengan beban kerja yang wujud di Pejabat-pejabat Tanah itu. Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam juga telah bersetuju supaya pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkemahiran dan berpengetahuan di bidang pentadbiran tanah tidak ditukarkan ke luar daripada bidang pentadbiran tanah melainkan jika tidak dapat dielakkan oleh sebab-sebab kenaikan pangkat dan sebagainya. Latihan-latihan yang sesuai sedang diatur untuk meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan di dalam menjalankan kerja-kerja mereka.

Di samping itu juga, Unit Pengurusan dan Perancangan Tenaga Manusia di bawah Jabatan Perdana Menteri sedang menjalankan kajian mengenai pengurusan dan jumlah tenaga manusia yang patut wujud di Pejabat-pejabat Tanah demi untuk menentukan pentadbiran di Pejabat-pejabat Tanah berjalan dengan lancar dan memuaskan bukan sahaja dari segi melayan kehendak-kehendak rakyat amnya juga dari segi pembangunan negara. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat atas perhatian beliau.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah mengesyorkan supaya Kerajaan mengambil semua kaum dengan lebih banyak untuk pembukaan tanah baru yang dijalankan sekarang supaya perpaduan nasional dapat diujudkan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum permohonan untuk menyertai mana-mana rancangan tanah baru adalah dibuka kepada semua kaum yang mempunyai syarat-syarat yang ditetapkan oleh sesuatu ajensi pembangunan tanah. Syarat-syarat tersebut lebih menekankan kepada taraf hidup seseorang pemohon dan bukannya mengikut kaum.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar telah menyeru Kerajaan supaya rancangan FELDA diperluaskan supaya nikmatnya dapat dialami oleh semua. Suka saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan sememangnya sedar di atas masalah tersebut dan telah mengambil tindakan yang difikirkan baik dan perlu. FELDA telah menambahkan keluasan pembukaan tanah dari 70,000 ekar setahun ke 100 ribu ekar setahun.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar dan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas pandangan-pandangan mereka yang berguna yang bergema dalam Dewan Yang Mulia ini untuk perhatian Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk menyampaikan ucapannya.

6.03 ptg.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan Ucapan Menjunjung kasih atas Titah Ucapan Di Raja beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa perkara mengenai keselamatan yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan. Di atas segala teguran ikhlas dan cadangan-cadangan membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul telahpun membangkitkan keadaan keselamatan di Sibul, Sarawak. Memanglah benar masih ada sebilangan lagi saki-baki anasir subversif yang berkeliaran di dalam hutan dan di beberapa kawasan luar bandar yang terencil dalam kawasan RASCOM. Sebenarnya bilangan mereka sekarang telahpun turun kepada angka yang kurang daripada 100. Oleh sebab itu keadaan keselamatan keseluruhan di daerah ini adalah bertambah baik hasil dari gerakan-gerakan Pasukan Keselamatan dan Kerjasama penduduk-penduduk

tempatan. Daripada segi perubahan sambutan penduduk-penduduk, maka kita bolehlah rasa bangga memerhati bahawa banyak orang-orang yang diam di luar bandar telah pun sanggup tampil ke hadapan untuk memberi maklumat-maklumat. Ada pula yang bersedia untuk melawan kominis itu sendiri. Gerakan-gerakan demikian yang telah dijalankan oleh tentera kita akan diteruskan untuk membenteraskan anasir-anasir tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah membangkitkan tentang rondaan TLDM atau Navy dan Polis di perairan laut Trengganu dalam usaha mencegah pelarian-pelarian Vietnam. Sukalah ditegaskan di sini rondaan ini akan terus dipergiatkan dari masa ke masa. Dengan kemampuan yang ada pada kita sekarang ini, saya percaya masalah ini tidaklah dapat dihapuskan belaka tetapi boleh dikawal. Begitu juga dengan soal lanun di daerah Tumpat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Menurut beliau lanun-lanun telah mengancam nelayan-nelayan kita dan bertanya mengapa helikopter-helikopter kita tidak membantu di dalam usaha mencegah lanun-lanun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha mencegah lanun ini adalah sentiasa dijalankan oleh pihak TLDM di sepanjang perairan negara kita. Usaha ini terus dipergiatkan dengan bantuan pihak Polis. Helikopter-helikopter TUDM ataupun Angkatan Tentera Udara kita yang masih lagi terhad sekarang ini terpaksa dilibatkan sepenuhnya dengan tugas-tugas operasi lain.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya satu batalion infanteri ditempatkan di Perlis, ingin saya menyatakan di sini bahawa di dalam menentukan lokasi sesuatu yunit Angkatan Tentera, beberapa faktor adalah dipertimbangkan. Sungguhpun faktor geografi sentiasa menjadi salah satu asas, faktor-faktor lain seperti kemudahan infrastruktur, ancaman hubungan jauh ataupun dekatnya dengan yunit-yunit lain adalah juga menentukan penempatan yunit-yunit tersebut. Dalam membahagikan tenaga yang ada pada kita sekarang, kita juga terpaksa menyesuaikan penempatan yunit-yunit tentera kita dengan besar atau kecilnya ancaman yang dihadapi di satu-satu tempat itu. Setelah keadaan keseluruhannya ditimbang, Kementerian Pertahanan telahpun mengambil keputusan menempatkan satu batalion infanteri Askar Wataniah dalam tempoh

Rancangan Malaysia Ketiga di tempat yang tersebut, dan mungkin juga satu batalion infanteri akan ditimbangkan untuk ditempatkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa tugas utama yang mesti dijalankan di Perlis sekarang ini ialah untuk mencegah penyeludupan. Buat masa ini Kementerian Pertahanan berpendapat bahawa memandangkan Angkatan Tentera mempunyai kecekapan bergerak dengan cepat, maka tidaklah perlu untuk menempatkan yunit yang tetap di Perlis pada masa ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan sentiasa mengkaji dari masa ke masa keperluan ini, termasuklah soal mengawalkan sasaran penting dan dengan demikian dari semasa ke semasa penambahan Askar Wataniah untuk tugas-tugas operasi adalah berjalan pada keseluruhannya di sepanjang tahun.

Tentang soal gaji Angkatan Tentera, ingin saya maklumkan bahawa laporan gaji baru Angkatan Tentera telahpun selesai dan gaji baru ini telah dibayarkan pada bulan Oktober, 1977. Dengan gaji baru ini Angkatan Tentera kita sudahlah mendapat gaji yang baik dan seimbang dengan tanggungjawab mereka.

Menyentuh soal elaun-elaun untuk Askar Wataniah pula, saya ingin maklumkan bahawa elaun-elaun tersebut telahpun dinaikkan semenjak 1hb November, 1977 mengikut Sekim Gaji Baru Angkatan Tentera yang saya telah sebutkan tadi. Elaun-elaun ini difikirkan memadai bukan sahaja untuk menampung perbelanjaan anggota-anggota Wataniah tetapi juga cukup untuk memberi galakan kepada mereka yang ingin memasuki perkhidmatan itu. Untuk makluman Dewan ini elaun-elaun ini adalah hanya bagi mereka yang tidak dikerah. Mereka yang dikerah adalah diberi gaji, elaun dan kemudahan yang serupa dengan apa yang diperolehi oleh mereka yang sedang berkhidmat di dalam Angkatan Tentera kita sekarang ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan ucapan terima kasih saya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil perhatian berat atas aktiviti-aktiviti Kementerian Pertahanan. Kementerian Pertahanan menghargai cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang telah dibuat. Insya Allah, di mana boleh, segala cadangan-cadangan yang baru dan sesuai akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

6.10 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Michael Chen Wing Sum): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dan telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian saya dalam masa membahaskan Titah Ucapan Di Raja bagi Parlimen Kelima ini.

Dalam perbahasan kali ini sedikit sebanyak perkara-perkara yang berkaitan dengan Perumahan, Perkhidmatan Bomba dan Perpustakaan telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kebanyakan daripada perkara-perkara yang dibangkitkan itu telah pun diberitahu dalam Dewan yang mulia ini menerusi jawapan-jawapan mulut kepada soalan-soalan yang dikemukakan dan ucapan-ucapan menggulung di masa-masa yang sudah. Walau bagaimanapun saya akan sentuh beberapa perkara-perkara penting untuk pengetahuan lanjut Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya amat gembira memerhatikan bahawa dalam tempoh perbahasan yang telah berjalan ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah bangun bercakap mengenai perumahan. Semua perkara-perkara yang baik yang telah dibangkitkan adalah mendapat perhatian Kementerian. Oleh kerana masalah kos rumah telah berbilang-bilang kali dibangkitkan maka saya ingin membuat penjelasan. Kementerian sentiasa mencari jalan untuk membina rumah dengan kos yang paling rendah. Dalam hal ini Kementerian perlu mendapat kerjasama negeri-negeri, dan kerjasama ini adalah diperolehi. Kos rumah-rumah tidak dapat dikurangkan dengan sewenang-wenangnya oleh kerana Kementerian perlu menjaga mutu dan kesesuaian rumah-rumah supaya ianya dapat dianggap sebagai "decent shelter". Keluasan rumah yang dibina adalah lebih kurang antara 500 kaki persegi hingga 750 kaki persegi. Pembinaan rumah-rumah tidak termasuk kos pertapakan dan infrastruktur adalah lebih kurang \$6,000 ke atas seyunit. Kiranya dicampur dengan kos-kos yang lain itu dan kos tanah maka harga keseluruhannya mungkin meningkat sampai \$10,000 seyunit.

Menyedari hakikat ini Kerajaan telah mendapatkan perkhidmatan satu firma pakar perunding untuk membuat kajian mengenai "Integrated Sites & Services and Related Housing Programme for Malaysia" untuk mencari jalan mengadakan program-program perumahan yang sesuai bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Di samping itu Kementerian sedang mencuba rekabentuk-rekabentuk yang baru dalam mana keluasan rumah adalah dikurangkan, kepadatan yunit atas satu ekar ditambah dan kemudahan-kemudahan diturunkan kepada minima.

Ada Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya sebelum satu projek perumahan diluluskan, Kerajaan mesti menentukan terlebih dahulu kemudahan-kemudahan seperti api, air dan sebagainya telah ada. Sebenarnya perkara ini memang telah diamalkan. Oleh kerana hal ini diamalkan maka beberapa permohonan telah tidak dapat dipertimbangkan atau diluluskan dengan segera. Apabila hal ini berlaku, Kerajaan juga akan menjadi sasaran dan menimbulkan berbagai-bagai tuduhan akibat dari tindakan awal yang diambil itu.

Mengenai keadaan rumah-rumah pangsa apa yang perlu ialah kerjasama yang lebih rapat antara penghuni-penghuni di rumah pangsa itu menjaga kebersihan, kebajikan dan kelancaran perkhidmatan di Blok masing-masing. Secara tidak langsung adalah diperlukan melalui pergerakan-pergerakan seperti sekim Rukun Tetangga dan yang seumpamanya.

Pembahagian rumah-rumah perlu dipandang daripada berbagai-bagai segi antaranya untuk menjamin ketenteraman, keamanan di kawasan perumahan itu dan juga untuk menyusun semula masyarakat di samping memperbaiki kehidupan rakyat golongan berpendapatan rendah pada keseluruhannya.

Ada juga Ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai soal kekurangan kemudahan Khutub Khanah untuk penduduk-penduduk miskin. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa menurut Akta Perpustakaan Negara, 1972 yang telah diluluskan oleh Parlimen, Perpustakaan Negara tidak bertanggungjawab atas memberi perkhidmatan Perpustakaan Awam pada peringkat negeri. Walau bagaimanapun bagi maksud ini, dengan usaha-usaha Perpustakaan Negara pada keseluruhannya, pihak Kerajaan-kerajaan Negeri telah

pun menubuhkan Perpustakaan-perpustakaan Awam Negeri mengikut Enakmen Negeri yang diluluskan oleh Dewan-dewan Undangan Negeri. Atas dasar ini Perpustakaan Awam peringkat Negeri ini dapat memperluaskan perkhidmatannya kepada masyarakat luar bandar.

Berkenaan dengan kemudahan perpustakaan dalam negeri Perak, satu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak telahpun diluluskan oleh Kerajaan Negeri Perak pada tahun ini dan ahli-ahli perbadanan termasuk perwakilan daripada Perpustakaan Negara adalah di dalam urusan perlantikan dan adalah dijangka mesyuarat pertama Perbadanan ini akan diadakan sebelum akhir tahun ini dalam mana perkara perkhidmatan perpustakaan awam untuk negeri Perak keseluruhannya akan ditimbang dan Kerajaan Pusat telahpun memperuntukkan bantuan sebanyak \$100,000 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk perkembangan Perpustakaan Awam di negeri tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ada juga menyentuh tentang Perkhidmatan Bomba. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sebelum 1-1-76 perkhidmatan bomba adalah di dalam bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri, penguasa-penguasa Tempatan dan Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur mulai 1-1-76, perkhidmatan bomba telah disatukan di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Pusat. Dengan selesainya proses penyatuan perkhidmatan bomba negeri-negeri di seluruh Semenanjung Malaysia, maka timbullah soal-soal untuk meninggikan mutu perkhidmatan, latihan, alat-alat kelengkapan dan sebagainya yang mana supaya selaras dan sejajar dengan pembangunan yang berjalan sekarang. Walau bagaimanapun proses memodenkan perkhidmatan bomba mengambil masa juga. Peruntukan sejumlah \$20 juta telah disediakan untuk membeli alat-alat tambahan bagi menggantikan dan menokok-tambah dengan yang sedia ada. Perkhidmatan Bomba sekarang ini sedang dilengkapi dengan berbagai-bagai alat moden termasuk kereta-kereta bomba jenis 400 gelen water tender. Setakat ini 16 buah kereta bomba dari jumlah 36 buah yang dipesan dari luar negeri dan firma-firma tempatan telah diterima; dan ditempatkan di Balai-balai Bomba yang sangat penting dan memerlukannya.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga juga, peruntukan sejumlah \$10 juta telah disediakan untuk mendirikan Balai dan Rumah kakitangan Bomba yang agak sempurna dan selesa. Dan setakat ini 13 projek Balai dan Rumah Kakitangan Bomba telah diluluskan.

Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat buat masa ini pilihanraya bagi Penguasa-penguasa Tempatan tidak perlu dikaji semula. Kerajaan Tempatan negeri ini sedang menjalani proses penyusunan semula dan di dalam keadaan penyusunan semula ini, pertelingkahan politik di dalam pentadbiran Kerajaan Tempatan haruslah dielakkan. Penyusunan semula ini, adalah bertujuan memperbetulkan pentadbiran Penguasa-penguasa Tempatan di seluruh negara termasuk memperbaiki struktur dan organisasi Kerajaan Tempatan supaya ianya bukan sahaja menjadi viable tetapi juga mempunyai keupayaan untuk memberi perkhidmatan yang sempurna kepada orang ramai. Proses yang sedang berjalan ini dijangka akan berakhir dalam masa satu atau dua tahun lagi dan sebelum proses ini berakhir tidaklah perlu kita bercakap soal-soal pilihanraya di dalam Penguasa-penguasa tempatan ini. Saya berkata demikian, oleh kerana sebagaimana Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum, pilihanraya Kerajaan Tempatan telah digantungkan sejak tahun 1963 berikutan dengan pengisytiharan dharurat disebabkan oleh konfrantasi pada tahun yang berkenaan.

Bukan ini sahaja sebabnya pilihanraya Kerajaan Tempatan ini digantungkan, pentadbiran Kerajaan Tempatan di akhir-akhir tahun 50'an dan pada awal-awal tahun 60'an adalah berada dalam keadaan kucar-kacir dan faktor yang utama yang menyebabkan keadaan itu ialah oleh kerana pertembungan politik di kalangan ahli-ahli majlis kerana berbeza-beza pendapat dan ideologi. Terdapat pula unsur-unsur kepentingan diri dan kepentingan taraf yang disalurkan ke dalam pentadbiran Kerajaan Tempatan dan oleh kerana keadaan itulah maka pentadbiran beberapa buah Penguasa Tempatan yang besar di negara ini mengalami keadaan yang buruk dan di samping itu berlaku pula penyalahgunaan kuasa oleh parti-parti yang memerintah majlis tadi.

Lee Hun Hoe Commission dan Aziz Commission yang dilantik dalam tahun 1965 dan 1966 untuk menyiasat pentadbiran Majlis Bandaran Seremban dan Majlis Bandaraya

Pulau Pinang telah mendedahkan penyalahgunaan kuasa dan pentadbiran yang kukar-kacir oleh ahli-ahli majlis di dalam majlis-majlis berkenaan. Ini hanya dua contoh bagaimana pentadbiran yang buruk berlaku tetapi sebagaimana yang saya nyatakan tadi pentadbiran Kerajaan Tempatan tidak berjalan dengan baik, bahkan di seluruh negara. Sungguhpun keadaan pentadbiran itu tidak dapat diperbaiki sepenuhnya sebaik-baik sahaja tergantung pilihanraya Kerajaan Tempatan tetapi usaha-usaha telah dibuat untuk memperbaiki sistem pentadbiran Kerajaan Tempatan ini dan usaha yang benar-benar konkrit telah dimulakan sejak tahun 1973 dengan wujudnya Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara) 1973 dan proses penyusunan semula telah berjalan dengan kuat sejak tahun 1976 apabila Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dikanunkan dan proses penyusunan semula sebagaimana yang saya nyatakan tadi berjalan dengan baik pada masa ini dan saya yakin bahawa perubahan yang besar akan berlaku di dalam pentadbiran Kerajaan Tempatan dalam beberapa tahun yang akan datang ini. Sungguhpun ahli-ahli majlis adalah terdiri daripada mereka yang dilantik oleh Pihakberkuasa Negeri tidaklah boleh dikatakan bahawa demokrasi tidak berjalan di peringkat bawahan. Ahli-ahli majlis adalah terdiri daripada wakil-wakil masyarakat, wakil-wakil pertubuhan yang besar, pakar-pakar di dalam berbagai bidang dan mereka-mereka yang mempunyai kemahuan untuk berkhidmat kepada rakyat. Mereka-mereka yang tidak menunjukkan minat adalah digantikan dengan ahli-ahli yang lain dan adalah difikirkan proses ini harus berjalan sehingga satu masa kelak apabila pentadbiran Kerajaan Tempatan ini telah berjalan di atas asas yang teguh setanding dengan pentadbiran-pentadbiran Kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya berikan ulasan-ulasan terhadap komen-komen dan teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya harap ulasan-ulasan ini akan memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

6.27 ptg.

Timbangan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah membuat teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang berguna mengenai Kementerian saya. Kementerian saya akan memberi perhatian dan pertimbangan kepada teguran-teguran dan cadangan-cadangan itu.

Walau bagaimanapun suka saya menjelaskan sedikit tentang perkara mengenai tender yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani. Beliau, antara lain, telah mencadangkan supaya "procedure" tender dikaji semula supaya rancangan-rancangan pembangunan dapat dilaksanakan dengan licin. Dalam perkara ini suka saya menjelaskan bahawa "procedure" tender yang diamalkan oleh Kerajaan pada masa ini adalah hasil daripada kajian yang mendalam di mana semua segi telah ditinjau. "Procedure" ini adalah bertujuan untuk menentukan bahawa tiap-tiap pembelian atau kontrak Kerajaan adalah dilakukan dengan cara yang paling ekonomik sekali dan di samping itu menentukan pencapaian dasar Kerajaan khususnya berhubung dengan penyertaan bumiputra di dalam bidang kontrak. "Procedure" ini sekiranya diringkaskan semata-mata untuk mempercepatkan pemberian kontrak akan memberi kesan yang tidak baik ke atas kawalan kewangan dan juga pencapaian matlamat Kerajaan di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Sungguhpun begitu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengulangkaji "procedure-procedure" tender yang ada untuk menyesuaikan dengan keadaan masa dan memperlicinkan lagi proses pemberian kontrak. Umpamanya, Kerajaan tidak berapa lama dahulu telah meninggikan had bumbung nilai tender yang boleh dipertimbangkan oleh Lembaga Tender-Lembaga Tender di peringkat Negeri supaya kontrak-kontrak dapat diberi dengan lebih cepat. Pada masa ini Kerajaan juga sedang menimbangkan cadangan-cadangan daripada Master Builders Association dan Persatuan Pemborong-pemborong Melayu yang menyentuh beberapa aspek tender. Cadangan tersebut akan dikaji dengan fikiran yang terbuka dan sekiranya didapati munasabah akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah mencadangkan supaya tender secara pilihan atau tender terhad dihapuskan oleh kerajaan dan membuka peluang untuk pegawai-pegawai berlaku curang.

Tender secara pilihan ini bukanlah merupakan satu peraturan biasa tetapi hanya digunakan bagi kerja-kerja kecil yang perlu dilaksanakan dengan segera dan bagi kerja-kerja di kawasan keselamatan. Bagi kerja-kerja kecil yang mendesak, tender terhad ini adalah lebih sesuai daripada tender terbuka oleh kerana ianya dapat menjimatkan masa. Manakala bagi kerja-kerja di kawasan keselamatan pula kerja-kerja hanya dapat diberikan kepada kontrak-kontrak yang telah ditapis dari segi keselamatan.

Ahli Yang Berhormat itu telah memberi contoh projek-projek Universiti Pertanian dan Universiti Kebangsaan di mana tender terhad diadakan. Yang sebenarnya tender-tender Universiti-universiti tersebut bukanlah tender terhad tetapi adalah tender yang berasaskan kepada prakelayakan (prequalification). Bagi projek-projek Universiti-universiti ini notis tender telah dikeluarkan secara umum di mana penender-penender yang berminat dijemput mengemukakan maklumat-maklumat tentang diri mereka untuk diprayakkan. Pemilihan kontraktor-kontraktor ini dilakukan oleh suatu jawatankuasa dengan berasaskan kepada kedudukan kewangan, pengalaman dan kemampuan kontraktor-kontraktor tersebut. Tender secara prakelayakan ini diadakan untuk memastikan bahawa kontraktor yang berjaya dalam tender yang diadakan kelak dapat melaksanakan kontraknya tanpa apa-apa masalah. Ini adalah penting supaya projek-projek Kerajaan dapat berjalan dengan licin.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah-masalah cukai, Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diminta bersabar dan tunggu ucapan Belanjawan yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada hari esok.

Berhubung dengan perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran-teguran yang membina atas Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

6.35 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan teguran-teguran terhadap Kementerian Kesihatan semasa perbincangan atas Usul Ucapan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sukacitalah saya memaklumkan bahawa semua teguran-teguran yang membina itu adalah dalam perhatian Kementerian Kesihatan dan tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil untuk memperbaiki serta meninggikan lagi mutu perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian yang dikekalkan dari masa ke semasa.

Mengenai teguran dari Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu berkenaan dengan perkhidmatan kesihatan luar bandar di Sarawak, saya sedar tentang masalah Negeri Sarawak dari segi perkhidmatan perubatan dan kesihatan, dan disebabkan itu, keutamaan telah diberikan untuk pelaksanaan projek-projek di negeri itu. Saya sedari juga bahawa kemudahan-kemudahan di Hospital Sibu adalah tidak mencukupi dan perlu diperbaiki, tetapi kawasan hospital yang ada sekarang tidak sesuai dan mencukupi bagi pembinaan sebuah hospital baru. Oleh hal yang demikian, pihak Kerajaan telah meluluskan pembinaan sebuah hospital yang baru di Sibu di atas tapak yang lain. Kementerian saya sedang dalam proses pengambilan tanah, dan apabila ini siap kelak, kerja-kerja merancang hospital baru ini akan bermula.

Memandangkan kerja-kerja pembinaan dan penyiapan hospital baru ini akan memakan masa beberapa tahun, langkah-langkah telah diambil untuk mengurangkan kesesakan buat masa sekarang, termasuk:

- (i) Pembinaan sebuah wad untuk memuatkan 36 buah katil dalam tahun 1977; dan
- (ii) Menyegerakan kerja perancangan bagi Hospital Daerah di Kanowit. Hospital ini apabila siap kelak akan menolong mengurangkan sebanyak 30% ke-masukan di Hospital Sibu.

Selain dari itu, beberapa cadangan untuk memperbaiki lagi keadaan di Hospital Sibu sedang ditimbang termasuk Wad Rawatan Rapi, Penambahan kepada Dapur dan Dobi, memperbaiki wad bersalin dan nursery dan

Poliklinik Sibu. Tetapi cadangan-cadangan tersebut harus menunggu keputusan Kerajaan apabila kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga diadakan.

Mengenai teguran-teguran Yang Berhormat berkenaan gaji Lapuran Jawatankuasa Kabinet bagi bidan-bidan di Sarawak, sukacita saya memaklumkan bahawa jika ada terdapat kepincangan berhubung dengan pelaksanaan gaji baru itu, pihak berkenaan bolehlah mengemukakannya kepada agensi-agensi Kerajaan yang tertentu untuk pertimbangan.

Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Setapak telah mencadangkan supaya diadakan pemeriksaan air kencing bagi orang-ramai untuk mengesan penagih-penagih dadah. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa dalam semua kes-kes yang disyaki, penagih dadah yang dibawa oleh Polis atau yang datang sendiri akan menjalani pemeriksaan air kencing untuk menentukan samada mengandungi dadah atau tidak.

Kementerian saya juga telah menyediakan Pusat-pusat Pengesanan dan Penawaran Dadah di Hospital-hospital di seluruh negara untuk mengubati dan merawat penagih-penagih dadah dan seterusnya mereka dihantar ke Pusat-pusat Pemulihan di bawah jagaan Kementerian Kebajikan Am.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam supaya Kementerian saya mengkaji kelayakan-kelayakan doktor-doktor kontrek, sukacita saya memaklumkan bahawa mereka yang diambil berkhidmat secara kontrek antara Kerajaan dengan Kerajaan adalah terdiri dari mereka yang mempunyai kelulusan yang diiktirafkan oleh Majlis Perubatan Malaysia, iaitu sejajar dengan peruntukan yang ada di dalam Akta Perubatan Malaysia tahun 1971. Soal taraf yang tinggi rendah rasanya tidaklah timbul.

Cadangan Yang Berhormat supaya Kementerian saya melantik semula pesara-pesara yang sihat untuk berkhidmat sebagai doktor, saya maklumkan di sini bahawa pengambilan semula secara kontrek bagi pesara-pesara dan bahkan bagi mana-mana lantikan jawatan Kerajaan adalah semestinya memenuhi syarat lulus pemeriksaan perubatan yang mesti dilakukan oleh seorang Pegawai Perubatan Kerajaan.

Mengenai teguran-teguran Yang Berhormat atas masalah penyakit kelamin (V.D.), saya ingin menyatakan bahawa sehingga hari ini, 11 kes apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris sebagai B - tactamese Penicillin-resistant gonorrhoea telah direkodkan dengan rasminya. 8 daripada kes itu telah dirawati oleh doktor-doktor persendirian. Malangnya, punca jangkitan tidak dapat dikesan dan dihapuskan disebabkan kekurangan butir-butir pesakit. Kementerian Kesihatan menghendaki butir-butir pesakit yang betul untuk mendapatah besarnya masalah V.D. dan untuk mengesan dan menghapuskan punca jangkitannya. Oleh itu kerjasama yang sepenuhnya daripada semua pihak yang berkenaan, termasuk doktor-doktor persendirian yang merawat lebih daripada 80% kes V.D. adalah diperlukan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum, kawalan penyakit V.D. bukannya senang. Inilah sebabnya Kementerian saya cuba mendapatkan kerjasama daripada semua pihak yang berkenaan untuk mengatasi masalah sosial ini. Syor-syor yang membina adalah dialu-alukan, dan dalam langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengawal masalah penyakit ini, pertimbangan akan diberi kepada perasaan tentang masalah penyakit ini, rahsia identiti seseorang pesakit dan kesenangan doktor-doktor persendirian.

Di samping itu, sesiapa yang tidak melaporkan sebarang kes penyakit berjangkit boleh didenda sebanyak \$100 bagi kesalahan pertama dan \$200 bagi kesalahan kedua dan seterusnya; atau penjara 3 bulan atau kedua-duanya, dan bukan seperti yang dinyatakan iaitu \$1,000 hingga \$2,000 atau 6 bulan penjara. Sungguhpun tindakan undang-undang mungkin diperlukan sebagai langkah terakhir, Kementerian saya lebih suka menitikberatkan pelajaran dan pujukan, serta menggerakkan semangat dan tanggungan sosial dalam semua hal yang berkenaan dengan penyakit berjangkit pada umumnya, dan penyakit V.D. khususnya.

Mengenai teguran-teguran Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Semerah tentang bilangan jawatan Pembantu Hospital, sukacita saya memaklumkan bahawa memang ada ditambah pengambilan bagi jawatan ini pada tiap-tiap tahun, yang diisi dengan

mereka-mereka yang telah berjaya dalam latihan di Sekolah Latihan Pembantu Hospital di Seremban.

Di antara 130 hingga 150 Pembantu Hospital yang lulus telah dilantik pada tiap-tiap tahun. Sekolah ini telah ditubuhkan dalam tahun 1971 dan pada tahun-tahun sebelumnya bilangan pembantu hospital hanyalah sebanyak 899 orang sahaja. Pada hari ini, angka ini telah meningkat kepada 1,620.

Saya juga ingin menyakinkan Yang Berhormat bahawa jururawat-jururawat adalah menjalankan tugas-tugas mereka sebagaimana yang diwajibkan ke atas seseorang jururawat. Mengelap pesakit-pesakit adalah satu daripada tugas-tugas ini, tetapi mencukur pesakit-pesakit lelaki dilakukan oleh kakitangan-kakitangan lelaki.

Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Rantau Panjang bahawa kedudukan projek Hospital Daerah Pasir Mas ialah pada masa ini, pihak Jabatan Kerja Raya sedang giat menyediakan plan-plan lanjut (detail) untuk pembinaan hospital tersebut. Adalah dijangkakan pembinaan akan bermula pada pertengahan tahun 1979.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat Kawasan Ulu Muda, berkenaan dengan kemudahan perubatan di Daerah Sik, saya sedar bahawa penduduk-penduduk di Daerah Sik memerlukan kemudahan perubatan dan sebuah Hospital Daerah akan dibina di Sik.

Perbincaraan mengenai pengambilan tanah untuk hospital ini baru sahaja selesai dan setelah ianya diperolehi kelak, kerja-kerja perancangan bagi pembinaan hospital tersebut akan dimulakan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Ahli Kawasan Dungun supaya diadakan kursus-kursus akhlak bagi doktor-doktor muda yang akan bertugas, Kementerian ini sentiasa mengutamakan semua kakitangannya supaya memberikan khidmat yang baik kepada orang ramai.

Menyentuh komen yang dibuat oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Lambir tentang kemudahan-kemudahan perubatan di Negeri Sarawak pula, saya telahpun memberikan penjelasan mengenainya pada awal ucapan saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengakhiri ucapan saya ini dengan mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran yang membina terhadap Kementerian Kesihatan. Adalah menjadi hasrat Kementerian ini untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan bermutu lagi kepada rakyat dalam masa yang akan datang.

6.43 ptg.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat ulasan di atas beberapa perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang Kementerian Penerangan. Pertama, saya sungguh tertarik kepada pendapat Ahli Yang Berhormat dari Sibu mengenai pendapat beliau tentang pengaruh TV ke atas kehidupan rakyat serta saranan beliau untuk mengatasi masalah liputan TV di negara ini terutama yang berkaitan dengan negeri Sarawak.

Memanglah benar sebagai yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa TV merupakan alat perhubungan untuk pelajaran, hiburan dan untuk membantu usah-usaha membangun ekonomi dan perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum. Namun demikian TV juga telah menimbulkan perasaan kurang senang bukan sahaja di Sarawak sebagai disebutkan oleh beliau, tetapi yang sebenarnya di kawasan-kawasan lain juga. Pada ringkasnya, selain daripada peranan positif yang telah terbukti, pengaruh TV telah juga menyebabkan 3 perkembangan yang perlu diberi perhatian sewajarnya.

Pertamanya, rancangan-rancangan TV tidak dapat memenuhi selera tiap-tiap penuntut, lebih-lebih lagi kerana penduduk-penduduk Malaysia yang menuntun TV Malaysia adalah berbilang kaum dan mempunyai aspirasi masing-masing yang kadangkala tidak sama dengan aspirasi negara.

Keduanya, ada kawasan-kawasan, terutama di Sarawak yang belum dapat menerima siaran-siaran TV Malaysia dan usaha untuk memenuhi kehendak siaran meliputi kawasan-kawasan itu pasti mengambil masa. Ketiganya, ialah soal perimbangan di antara rancangan yang disiarkan dan liputan siaran di Semenanjung Malaysia dengan siaran bagi negeri Sabah dan Sarawak yang perlu diselaraskan.

TV Malaysia adalah satu alat Sebaran Am Kerajaan bagi mencapai cita-cita negara. Persembahan rancangan-rancangannya mestilah menggunakan bahasa pengantar dan isi kandungan yang akan dapat menjalinkan masyarakat Malaysia yang maju dan bersatu padu menurut prinsip-prinsip Rukunegara. Ini berarti bahawa bahasa yang perlu digunakan ialah Bahasa Malaysia dan ini sedang dilaksanakan di Rangkaian Pertama iaitu Rangkaian National TV Malaysia.

Dalam pada itu juga menyedari bahawa keadaan sebahagian daripada masyarakat kita sekarang ini perlu dihubungi menerusi berbagai-bagai alat Sebaran Am yang termasuk TV Malaysia, maka bahasa-bahasa lain yang tertentu adalah digunakan untuk membolehkan mereka memahami cita-cita negara di samping mendapat peluang menikmati rancangan-rancangan yang lain. Usaha ini yang perlu difahami oleh semua pihak, adalah satu langkah sementara sahaja sebelum terwujudnya satu keadaan di mana Kerajaan berpuashati bahawa sesuatu tindakan khusus untuk mencapai objektif negara menurut corak persembahan Rangkaian Nasional TV Malaysia itu dapat diperluaskan. Tidakkah bermakna bahawa Kerajaan telah berkompromi tentang kedaulatan Bahasa Malaysia atau mengubah keutamaan-keutamaan negara.

Mengenai soal liputan siaran TV Malaysia ke kawasan-kawasan yang belum menerima siaran-siaran itu, saya akui bahawa kekurangan seperti itu sedang berlaku dan akan mengambil masa yang lanjut untuk mengatasinya. Memanglah menjadi rancangan Kementerian Penerangan untuk membolehkan kesemua kawasan-kawasan di Malaysia ini menerima siaran-siaran TV Malaysia secara yang maksima khususnya di Sabah dan Sarawak. Akan tetapi usaha ini bukan sahaja akan mengambil masa yang panjang dan memerlukan kewangan yang banyak tetapi juga perlu diatasi ialah masalah-masalah institusi yang ada hubungan dengan keadaan socio-cultural penduduk-penduduk kita yang berbilang kaum.

Demikian juga saya akui tentang pentingnya mendapat pertimbangan di antara rancangan-rancangan yang disiarkan di Semenanjung Malaysia dengan siaran-siaran yang dipancarkan ke Sabah dan Sarawak. Satu usaha telah dimulakan oleh Kementerian ini untuk mencapai matlamat mensekukan kesemua rancangan-rancangan TV Malaysia

agar semua rakyat di negeri ini menerima perutusan Kerajaan dan juga mendapat pelajaran serta menikmati hiburan atas dasar sama menerima dan sama menikmati siaran-siaran itu. Walau bagaimanapun, rakyat sendiri dan golongan-golongan masyarakat tertentu perlu memainkan peranan mereka masing-masing secara positif bagi mengatasi masalah socio-cultural dan kepentingan kelompok-kelompok atau perkauman yang menjadi halangan kepada usaha mencapai matlamat tersebut dalam masa yang cepat.

Mengenai TV juga sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, beliau menyebutkan soal mengenai Rangkaian di Sabah dan Sarawak agar diadakan dua saluran seperti di Semenanjung Malaysia. Yang sebenarnya dua saluran TV Malaysia telah dan sedang dipancarkan bagi Sabah dan Sarawak, iaitu Rangkaian Nasional dan Rangkaian Ketiga. Perkara ini mungkin tidak diketahui oleh kerana secara teknikalnya kedua-dua Rangkaian itu adalah dipancarkan menerusi satu saluran sahaja. Namun begitu saya akui ada perasaan kurang puashati para penonton TV di Sabah dan Sarawak mengenai perkara ini dan menimbangkan ada segolongan penduduk di Sabah dan Sarawak masih belum lagi dapat menikmati rancangan-rancangan TV sepertimana yang dinikmati oleh penonton-penonton di Semenanjung Malaysia maka sebagai yang saya sebutkan sebentar tadi, Kementerian ini ada mempunyai rancangan untuk membolehkan seluruh rakyat negara ini menikmati siaran TV Malaysia secara maksima. Saya percaya apabila rancangan itu dilaksanakan nanti, maka masalah siaran Rangkaian Kedua sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu serta rasa tidak puashati segolongan rakyat yang ada di Sabah dan Sarawak akan dapat kita atasi.

Perkara mengenai perselisihan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bolehlah dikatakan sebagai satu ciri yang biasa timbul selepas sesuatu Pilihanraya. Perlu saya menegaskan di sini bahawa usaha untuk menjernihkan perselisihan antara penyokong-penyokong parti politik adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang mencintai negara ini, sanggup dan berusaha untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang maju dan bersatu-padu menurut prinsip-prinsip Rukunegara. Lebih-lebih lagi di masa negara kita ini memerlukan segala

tenaga dan sumber-sumber yang ada bagi menjayakan dasar-dasar yang penting, menghasilkan usaha-usaha pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga serta mematahkan usaha-usaha buruk pihak anasir-anasir anti-nasional.

Kementerian Penerangan memang sedar tentang peranannya dalam bidang ini dan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu agar angkara buruk yang berbangkit daripada perselisihan di antara penyokong-penyokong parti politik selepas pilihanraya umum bulan Julai yang lalu dapat dijernihkan dan pihak rakyat keseluruhannya dapat berganding bahu bagi mencapai cita-cita negara. Kementerian ini sedang dan akan menganjurkan kursus-kursus sivik, syarahan-syarahan dan ceramah-ceramah di tempat-tempat yang menghadapi masalah serupa itu.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah telah menyentuh tentang sebuah filem di TV Mesir yang beliau tonton semasa berada di Kahirah. Filem itu, menurut beliau, menggambarkan satu keadaan yang mencerminkan sebahagian daripada penduduk Malaysia dan cara hidup mereka. Beliau telah menyebutkan tentang kata-kata yang dibuat oleh kanak-kanak yang beliau anggap sebagai satu sindiran bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mundur.

Saya tidak mengetahui samada filem yang beliau nyatakan itu telah dibekalkan oleh sumber-sumber dari negara kita ini ataupun daripada sumber-sumber yang lain. Walau bagaimanapun saya sedar bahawa di luar negeri ada filem-filem yang ditayangkan itu bukan sahaja tidak kemaskini dengan keadaan di negara ini malahan ada di antaranya yang mengandungi gambar-gambar yang boleh mengaibkan imej negara kita. Keadaan tersebut tidak semestinya berpunca daripada bekalan filem-filem yang disediakan di negara ini kerana kita ketahui ada pihak-pihak tertentu yang sengaja bertujuan memburuk-burukkan dan bertindak untuk merendahkan imej negara kita, cara hidup demokrasi kita, usaha-usaha pembangunan kita serta juga usaha-usaha rakyat sendiri untuk menikmati cara hidup yang selesa.

Saya suka memaklumkan bahawa langkah-langkah yang tertentu ada diambil oleh Kerajaan dari masa ke semasa untuk mengelakan keadaan di mana filem-filem yang dipersembahkan di luar negeri itu mengandungi unsur-unsur yang boleh menjejaskan nama

baik negara kita. Antara langkah-langkah tersebut ialah usaha menambah dan membekalkan filem-filem penerbitan Filem Negara Malaysia menurut keadaan semasa di Malaysia, dan juga mengemaskinikan filem-filem yang disediakan oleh Jabatan tersebut untuk kegunaan di Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri dan juga lain-lain institusi yang memerlukannya.

Dalam soal ini Kementerian Penerangan bekerja rapat dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri serta Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia di seberang laut agar filem-filem yang telah dibekalkan kepada mereka itu dikemaskinikan dan bekalan filem-filem baru diterima oleh mereka. Satu langkah lagi ialah mengawal perusahaan-perusahaan dan penerbit-penerbit filem di dalam dan dari luar negeri yang bertujuan untuk menggunakan gambar-gambar mengenai keadaan dan cara hidup penduduk negara ini sebagai bahan filem-filem yang mereka eksport ke luar negeri. Namun demikian masih terdapat lagi keadaan, terutamanya apabila setelah filem-filem itu disediakan, di mana pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan menggunakan sebahagian daripada gambar-gambar yang tidak membayangkan yang sebenar dan dipersembahkan mereka itu boleh menjejaskan nama baik negara kita dan mengaibkan cara hidup penduduk negara ini. Eksploitasi serupa ini bukan sahaja berlaku terhadap filem-filem yang menggambarkan keadaan penduduk negara ini, malahan juga berlaku di negara-negara lain akibat daripada niat buruk sesuatu pihak demi kepentingan diri mereka atau untuk memprojeikkan kepentingan sesuatu golongan.

Langkah-langkah mengawal eksploitasi serupa ini adalah memerlukan usaha yang luas serta bantuan daripada rakyat kita di luar negeri dan juga oleh pihak-pihak yang menjadi sahabat kepada negara kita. Langkah mendapatkan bantuan usaha-usaha mereka itu adalah dilaksanakan setiap masa dan dengan pendedahan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Semerah itu maka tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk mengatasi kemusykilan yang telah dikemukakan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih telah membangkitkan perkara mengenai mutu rancangan-rancangan TV dan implikasi ke atas mutu tersebut akibat perubahan daripada siaran Hitam/Putih ke TV Warna

kelak. Perlu saya terangkan di sini bahawa usaha untuk meninggikan mutu rancangan-rancangan TV Malaysia adalah satu daripada aktiviti-aktiviti yang diberi keutamaan oleh Kementerian ini dan usaha ini adalah dijalankan pada sebilang masa. Menerusi penyelidikan-penyelidikan yang dilaksanakan secara saintifik dari masa ke semasa, Kementerian ini dapat mengetahui bukan sahaja sambutan penuntut-penuntut TV dan selera mereka yang berbeza-beza itu tetapi juga menerima makluman-balas yang digunakan bagi menyusun rancangan-rancangan TV Malaysia agar bersesuaian dengan selera-selera itu di samping menyiarkannya dengan mutu yang tinggi. Sebagai yang telah saya nyatakan di masa-masa yang lalu bahawa sebuah Jawatan-kuasa Penilaian Rancangan-rancangan telah diwujudkan di Kementerian ini dan Jawatan-kuasa itu dipengerusikan oleh saya sendiri. Perkara mengekalkan mutu yang baik dan meningkatkan lagi mutu yang telah tercapai adalah menjadi objektif aktiviti ini, samada siaran TV ini dilakukan sebagai sekarang iaitu dalam bentuk Hitam/Putih ataupun dalam warna setelah TV Warna dilancarkan kelak.

Satu masa dahulu saya telah memberi penjelasan mengapa menjadi perlu bagi TV Malaysia membuat perubahan kepada TV Warna. Mengulangi keterangan-keterangan saya itu, secara ringkas, kita perlu pada hari ini menyelaraskan pembangunan negara kita menurut perubahan zaman dan demikian juga mengenai alat-alat sebaran am seperti TV Malaysia yang perlu menurut perubahan serupa itu. Dari segi kemajuan alat-alat penyiaran, pihak RTM tidak mahu ketinggalan dalam aspek teknologi serta tidak mahu mengalami masalah ketiadaan bekalan alat-alat ganti untuk kelengkapan siarannya. Trend di serata dunia menunjukkan bahawa negara-negara yang maju dan membangun terpaksa mengubah kepada TV Warna untuk mengelakkan masalah serupa itu. Demikianlah juga mengenai perkembangan TV Malaysia sendiri.

Mengenai perubahan kepada TV Warna yang akan bermula pada 28-12-78 ini saya suka menyatakan bahawa Kementerian ini, bersama-sama Kementerian-kementerian yang lain, telah mengambil segala langkah yang perlu supaya proses peralihan ini tidak tergendala dan rakyat, khusus pemilik-pemilik

dan penuntut-penuntut TV Warna, tidak akan terkecewa. Malangnya, di ketika ini, menurut laporan-laporan akhbar, ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan untuk menanggung di air yang kononnya keruh—bukan kerana air itu keruh tetapi sengaja dibuat begitu rupa—demi kepentingan mereka sendiri. Kerajaan entiasa menelitikan perkembangan terhadap pengeluaran, pengedaran dan jualan set-set TV Warna agar perkara-perkara yang tidak diingini tidak berlaku dan boleh mengganggu satu usaha Kerajaan untuk menyediakan kemudahan tambahan bagi dinikmati oleh rakyat; selaras dengan perubahan zaman dan perkembangan sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang akhir sekali, tetapi tidak kurang pentingnya, saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam menyampaikan ucapannya.

7.03 mlm.

Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar yang telah mengingatkan kepada Kementerian saya di atas tumpuan-tumpuan pinjaman MARA yang mana pihak Kementerian akan terus meneliti dengan lebih rapi.

Berhubung dengan ruang niaga yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti, insya Allah, saya akan mengambil perhatian yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah membangkitkan projek Bangunan Seri MARA yang mana saya sukacita memaklumkan bahawa pihak MARA belumlah memohon tawaran dari kontraktor-kontraktor.

Mengenai perkara harga padi dan beras yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, ingin saya memaklumkan bahawa satu kajian yang menyeluruh sedang diusahakan supaya sebarang pertimbangan dan keputusan yang akan dibuat tidak akan menimbulkan apa-apa kesulitan kepada mana-mana pihak, penanam padi dan pengguna.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh dengan cara sepintas lalu penglibatan SEDC Melaka dalam usahasama dengan pihak swasta untuk memajukan satu projek perumahan. Pada hemat saya ini adalah merupakan satu modal politik yang kosong sahaja.

Saya suka juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pagoh di atas pendapatnya.

Ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Perusahaan Awam telahpun mengambil tindakan untuk menyusun dan menentukan usaha-usaha yang seharusnya dijalankan oleh tiap-tiap badan dengan tumpuan-tumpuan yang tertentu dan juga meninggikan taraf pengurusan serta prestasi-prestasinya.

Saya juga ingin mengingatkan bahawa usaha-usaha ini bukan sahaja diteliti dari segi keuntungan semata-mata tetap juga kemudahan-kemudahan yang boleh menjadi daya penggerak untuk perkembangan ekonomi bagi golongan-golongan yang ditujukan di dalam usaha bagi menyusun semula masyarakat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak Syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima.”

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang hari esok, 20hb Oktober, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.05 malam.